



PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2017

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI RABU : 22 MAC 2017

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.9 HINGGA NO. 64)

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING
PARLIMEN MALAYSIA**

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI MOHD FASIAH BIN
MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**

TARIKH : 22.3.2017

SOALAN :

Datuk Haji Mohd Fasih Bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan setakat manakah penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di sekolah dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan sejauh manakah komitmen Kerajaan untuk melengkapkan sekolah kerajaan di Malaysia dengan akses internet 4G dan VLE.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menggunakan *Smart School Qualification Standards* (SSQS) untuk penarafan pembestarian sekolah termasuk penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Berdasarkan keputusan penarafan tersebut, 90.8 peratus (9,228) daripada 10,162 sekolah telah mencapai sekurang-kurangnya tahap tiga (3) bintang iaitu memuaskan. Antara elemen utama dalam penggunaan ICT ialah penggunaan peralatan dan aplikasi oleh pentadbir untuk meningkatkan kecekapan pengurusan dan pentadbiran (PdT) sekolah, pengintegrasian ICT dalam PdP oleh guru (seperti VLE, rancangan pendidikan, perisian, dan sumber pendidikan

lain) dan penggunaan ICT oleh murid untuk pembelajaran (seperti penggunaan kemudahan dan peralatan ICT, VLE dan carian maklumat).

Kerajaan sangat komited untuk terus meningkatkan rangkaian internet 4G. Sehingga 8 Mac 2017 sebanyak 6,372 sekolah (66.51 peratus) telah dirangkaikan dengan teknologi 4G di seluruh negara. Menjelang tahun 2018, sebanyak 80.45 peratus sekolah akan dirangkaikan dengan rangkaian berkelajuan tinggi 4G (*Long-Term Evolution*). Baki 19.55 peratus sekolah akan dinaik taraf dalam 1BestariNet Fasa 3.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha KPM bukan tertumpu kepada penyediaan infrastruktur sahaja tetapi juga kepada penyediaan sumber manusia khususnya guru bagi memastikan murid-murid memanfaatkan sepenuhnya keupayaan ICT sedia ada.

RJM66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW
(SIBU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22.03.2017

Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perbincangan Kerajaan Negeri Sarawak dengan MAS mengenai pembelian Syarikat Penerbangan firefly, mengapakah perbincangan itu tidak berhasil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia Airlines Berhad (MAB) belum pernah mengadakan sebarang perbincangan bersama Kerajaan Negeri Sarawak berhubung pembelian syarikat penerbangan Firefly Sdn Bhd.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 22 MAC 2017 (RABU)

SOALAN : 11

Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan setakat tempoh lima tahun kebelakangan berapakah jumlah aduan kerugian wang ringgit diterima oleh Kementerian akibat daripada laman sesawang “phishing” serta apakah langkah kerjasama antara negara yang dilaksanakan bagi membanteras kegiatan ini khususnya yang berpusat luar daripada Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, “*phishing*” merujuk kepada penipuan dalam talian yang mengakibatkan mangsa kehilangan wang menerusi perkhidmatan perbankan Internet. Kes penipuan seperti ini adalah di bawah bidang kuasa PDRM, dan Kementerian ini tidak mempunyai maklumat spesifik berhubung jumlah kerugian mangsa kes penipuan “*phishing*”.

SOALAN NO: 11

Sungguhpun demikian, sukacita saya kongsi bahawa dalam usaha menjaga keselamatan pengguna Internet, Kementerian ini melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) terlibat di dalam pasukan khas (*taskforce*) yang dibentuk khusus bagi menangani kes "*phishing*" dengan kerjasama Bank Negara Malaysia dan pihak PDRM. Melalui *taskforce* ini, beberapa inisiatif dan tindakan telah dibentuk dan diambil, merangkumi program-program kesedaran untuk orang awam.

Selain itu, SKMM juga menyekat akses kepada laman-laman sesawang yang didapati terlibat dalam kegiatan "*phishing*". Dari tahun 2012 sehingga 2016, sejumlah **8,231** laman sesawang telah disekat kerana kegiatan "*phishing*". Di peringkat antarabangsa pula, SKMM turut berkongsi maklumat "*phishing*" dan "*malware*" yang dikesan dan dikumpulkan terutamanya menerusi inisiatif "MaduNet", dengan komuniti "*Computer Emergency Response Team*" (CERT). Melaluinya, bukan hanya rakyat Malaysia dapat dilindungi daripada ancaman "*phishing*", malah masyarakat antarabangsa juga menerima manfaat yang sama.

SKMM turut secara proaktif menasihatkan pemilik atau pengendali laman sesawang yang digunakan untuk kegiatan "*phishing*" dalam memberhentikan kegiatan "*phishing*" yang wujud di laman sesawang mereka. Sekiranya pengendali laman sesawang tersebut tidak mengambil tindakan sewajarnya, maka SKMM akan berhubung dengan Pengendali Perkhidmatan Internet (*Internet Service Provider - ISP*) di Negara terbabit.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]

TARIKH : 22.3.2017

SOALAN :

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab hanya respons daripada 51% sampel sekolah-sekolah Malaysia diambil-kira bagi tujuan penyelidikan PISA oleh pihak OECD. Adakah Kementerian memilih hanya 51% ini untuk memanipulasi keputusan yang akan dicapai oleh murid-murid sekolah dalam ujian antarabangsa ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Laporan antarabangsa pencapaian PISA 2015 yang diterbitkan oleh *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)* telah menyatakan bahawa:

“Di Malaysia, pentaksiran Programme for International Student Assessment (PISA) telah dilaksanakan dengan mematuhi standard operasi dan garis panduan yang ditetapkan oleh OECD. Walau bagaimanapun, kadar respon setelah diberi pemberatan dalam kalangan sekolah sampel Malaysia (51 peratus) tidak mencukupi bagi memenuhi standard kadar respon PISA pada 85 peratus. Oleh itu,

keputusan pencapaian PISA Malaysia kurang sesuai dibanding dengan keputusan negara lain mahupun dengan keputusan Malaysia daripada kitaran yang lepas”.

Penyataan berkaitan kadar respon sekolah sampel Malaysia hanya pada 51 peratus bermaksud keputusan Malaysia hanya mengambil kira respon daripada sekolah sampel asal sahaja, dan setelah pemberatan (*weightage*) diberi kepada bilangan sekolah sampel asal tersebut, kadar respon sekolah adalah hanya sebanyak 51 peratus.

Antara sebab Malaysia tidak mencapai peratus kadar respon sampel sekolah asal yang diperlukan adalah kerana bilangan respon murid yang tidak mencukupi bagi sekolah sampel yang mengambil bahagian. Hal ini telah berlaku apabila terdapat murid yang masih tidak biasa dengan teknik menjawab soalan menggunakan komputer menyebabkan respon mereka telah tidak terekod, atau masalah teknikal seperti data yang rosak ataupun hilang ketika pentaksiran ditadbirkan. Bilangan respon murid yang kurang daripada 25 peratus bagi setiap sekolah akan menyebabkan sekolah tersebut secara automatik digugurkan daripada diambil kira.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggantian sekolah turut menjadi sebab peratus kadar respon tidak mencukupi. Setiap sekolah sampel asal yang dipilih secara rawak oleh OECD disertakan dengan sekolah ganti yang mempunyai ciri yang sama dengan sekolah sampel asal berdasarkan strata yang ditetapkan. OECD membenarkan penggantian sekolah sampel asal dengan salah sebuah sekolah yang disenaraikan sebagai sekolah ganti. Penggantian sekolah telah

dilakukan berdasarkan tahap kesediaan peralatan ICT dalam kalangan sekolah sampel asal yang dipilih.

Oleh yang demikian, bilangan sekolah yang digugurkan kerana bilangan respon murid yang kurang dan ditambah dengan sekolah yang perlu diganti telah menyebabkan hanya 51 peratus sekolah sampel asal (setelah pemberatan) yang boleh diambil kira sebagai kadar respon sekolah. Respon murid disemak dan diproses oleh pihak OECD, negara peserta hanya menerima keputusan akhir yang telah melalui pelbagai proses pengekodan jawapan, penilaian dan verifikasi oleh pihak tersebut. Oleh yang demikian, tiada unsur untuk memilih atau memanipulasi keputusan dalam pentaksiran antarabangsa ini.

RJM65

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK DR. EWON BIN
EBIN [RANAU]**

TARIKH : 22 MAC 2017

SOALAN :

YB Datuk Dr. Ewon Bin Ebin [Ranau] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah peruntukan tahunan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sabah bagi tujuan pembangunan; dan
- (b) pecahan agihan peruntukan tersebut mengikut Kementerian dan jenis pembangunan.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siling Peruntukan Tahunan Pembangunan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan bagi RP2 RMKe-11 kepada Negeri Sabah adalah berjumlah RM4.48 Bilion. Pecahan peruntukan RP2 Rancangan Malaysia Ke-11 mengikut kementerian adalah seperti berikut:

BIL	KEMENTERIAN	BILANGAN PROJEK	SILING TAHUNAN (RM JUTA)
1	Jabatan Perdana Menteri	66	1,046.10
2	Kementerian Belia Dan Sukan	8	13.70
3	Kementerian Dalam Negeri	12	42.00
4	Kementerian Kemajuan Luar Bandar Wilayah	102	1,165.83
5	Kementerian Kerja Raya	31	494.35
6	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	47	335.85
7	Kementerian Kesihatan	57	78.98
8	Kementerian Kewangan	8	34.50
9	Kementerian Komunikasi Dan Multimedia	5	7.68
10	Kementerian Luar Negeri	-	-
11	Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan	6	14.00

12	Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga Dan Masyarakat	2	9.00
13	Kementerian Pendidikan Malaysia	189	207.01
14	Kementerian Pendidikan Tinggi	12	66.68
15	Kementerian Pengangkutan	6	34.70
16	Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri	1	6.00
17	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan	-	-
18	Kementerian Pertahanan	3	118.20
19	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	48	99.84
20	Kementerian Perusahaan Peladangan Dan Komoditi	2	1.50
21	Kementerian Sains Dan Teknologi	1	3.97
22	Kemenetrian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	26	88.96
23	Kementerian Sumber Manusia	3	3.00
24	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air	63	616.93
25	Kementerian Wilayah Persekutuan	-	-
	JUMLAH KESELURUHAN	698	4,488.80

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

TARIKH : 22.3.2017

SOALAN :

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) mengapakah tiada peruntukan untuk Sekolah Menengah Kebangsaan Cina atau *Conforming School* bagi tahun 2017 di bawah Tabung Khas Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah; dan
- (b) apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memperbetulkan kekurangan ini.

JAWAPAN

(a) dan (b)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tabung Khas Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa ucapan Bajet 2017 pada 21 Oktober 2017 tidak menyatakan peruntukan untuk Sekolah Menengah Kebangsaan Cina/*Conforming School*. Walau bagaimanapun, Kerajaan menyediakan peruntukan mengurus kepada Sekolah Menengah Kebangsaan

Cina/Conforming School untuk menampung pembayaran seperti emolumen dan utiliti seperti mana yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

RJM64

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]**

TARIKH : 22 MAC 2017

SOALAN :

YB Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang cadangan penambahbaikan serta menaik taraf kemudahan perkhidmatan kesihatan di Hospital Kinabatangan dan Tongod serta klinik-klinik kesihatan di Parlimen P.187 Kinabatangan.

Tuan Yang di-Pertua,

Hospital Kinabatangan merupakan hospital tanpa pakar yang terletak di Daerah Kinabatangan. Hospital ini mempunyai 68 katil bagi kemudahan pesakit dengan purata Kadar Penggunaan Katil pada tahun 2016 adalah sebanyak 48.73%. Kementerian ambil maklum terhadap keadaan Hospital Kinabatangan yang memerlukan penaiktarafan atau penggantian sistem dan kelengkapan hospital sehubungan itu, pada tahun 2016 kerja-kerja menaiktaraf di Hospital Kinabatangan telah dilaksanakan seperti yang disenaraikan dibawah:

1. Menaiktaraf sistem penyaman udara Unit Kecemasan;
2. Menaiktaraf sistem keselamatan kebakaran;
3. Menaiktaraf Rangkaian Komputer Setempat (LAN) ; dan
4. Memperbaiki pagar hospital.

Sepertimana lain-lain hospital kerja-kerja naiktaraf serta pembaikan diadakan dari semasa ke semasa. Semua kerja-kerja naiktaraf yang telah dirancang ini akan dapat membantu mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan yang sedia ada.

Bagi klinik-klinik kesihatan pula, terdapat sejumlah tujuh (7) fasiliti kesihatan di daerah Tongod iaitu Klinik Kesihatan (KK) Entilibon, KK Tongod, KK Penangah, KK Minusoh, KK Mengkawagu, KK Kuamut dan Klinik Desa Karamuak. Semua fasiliti berkenaan telah ditempatkan pegawai perubatan kecuali KK Minusoh, KK Mengkawagu dan KD Karamuak.

Setiap klinik mempunyai kerja-kerja naiktaraf serta pembaikan yang diadakan dari semasa ke semasa. Sebagai contoh, perancangan untuk menempatkan mesin X-Ray di KK Tongod bagi meningkatkan perkhidmatan sedia ada sedang diusahakan. Manakala KK Kuamut telah dilengkapi dengan perkhidmatan Klinik Bergerak Air (Bot 1 Malaysia Mini) untuk memberikan perkhidmatan kepada penduduk pesisir sungai Kinabatangan seperti Kg Tngnkuyan, Kg Desa Permai, dan Kg Balat.

Manakala bagi penduduk Kg Inarad, kerajaan persekutuan telah meluluskan pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 7, Inarad di dalam *Rolling Plan* (dengan izin) ke-2 , Rancangan Malaysia Kesebelas. Kementerian akan terus berusaha untuk meningkatkan kualiti fasiliti kesihatan mengikut keperluan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DATO' DR NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD (PASIR PUTEH)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22.03.2017

Y.B. DATO' DR NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kejayaan secara terperinci kewangan Islam berbanding kewangan konvensional dalam masa sepuluh tahun bermula daripada tahun 2006 sehingga tahun 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Malaysia telah mencapai kejayaan dalam pelaburan kewangan Islam dengan mengekalkan kewangan konvensional dalam masa sepuluh tahun bermula dari tahun 2006 sehingga tahun

2016. Antara kejayaan utama yang telah dicapai dalam industri kewangan Islam di Malaysia termasuklah, kejayaan dalam transformasi kewangan Islam Malaysia yang kini bukan sahaja tertumpu pada pasaran domestik malahan merangkumi pasaran antarabangsa.

2. Malaysia kini merupakan peneraju pasaran bagi segmen sukuk (bon Islam) global dengan menguasai lebih daripada 50 peratus pasaran global sejak tahun 2000. Pasaran sukuk Malaysia telah menerbitkan pelbagai sukuk dalam denominasi seperti Dolar Amerika, Dolar Singapura, Renminbi China dan Yen Jepun. Selain itu, penerbit asing dari seluruh dunia seperti Arab Saudi, UAE, Kazakhstan, Jepun dan China juga berminat meneroka pasaran sukuk tempatan. Pada masa yang sama, beberapa organisasi antarabangsa seperti Bank Pembangunan Islam (Islamic Development Bank) dan Bank Dunia (World Bank) telah menerbitkan sukuk Dolar Amerika di Malaysia. Dengan itu, Malaysia turut diiktiraf oleh International Monetary Fund (IMF) sebagai peneraju dunia dan penanda aras dalam segmen sukuk global.
3. Di samping itu, kejayaan negara turut disumbang oleh beberapa institusi kewangan Malaysia seperti CIMB Islamic,

Maybank Islamic dan RHB Islamic yang telah dilantik sebagai pengurus bersama (*Lead-Managers*) bagi pelbagai sukuk denominasi asing. Ini juga merupakan satu pengiktirafan kepada keupayaan dan kemampuan institusi kewangan Malaysia untuk bersama-sama dengan pemain global dalam penstrukturan instrumen pasaran modal Islam, khususnya sukuk.

4. Malaysia turut menerajui pelbagai inovasi baharu seperti sukuk dengan tanggungjawab sosial (*socially responsible sukuk*) dan sukuk boleh tukar (*exchangeable sukuk*) yang pertama kali diterbitkan seumpamanya di dunia. Ia menggambarkan bahawa inovasi dalam kewangan Islam terutamanya di Malaysia adalah proses yang berterusan sebagai salah satu sumbangan negara kepada perkembangan kewangan Islam secara keseluruhannya.

Tuan Yang Di-Pertua,

5. Kejayaan Malaysia adalah berdasarkan kepada asas yang kukuh dalam pasaran domestik kewangan Islam. Ini telah memudahkan pembabitan Malaysia dalam arena global

kewangan Islam. Hasil daripada perkembangan sinergi infrastruktur, pembinaan institusi yang berterusan serta rangka kerja pengawalan dan penyeliaan yang teguh yang menjangkau lebih tiga dekad di negara ini. Malaysia telah menyediakan asas dan ekosistem yang kukuh kepada hasrat negara untuk menjadi peserta yang aktif dalam arena global.

6. Sebelum tahun 2000, Malaysia hanya mempunyai 2 buah bank Islam dan 2 buah pengendali takaful dengan jumlah bahagian pasaran dan kadar penembusan takaful yang kurang daripada 5%. Kini, aset perbankan Islam telah berkembang dan menguasai lebih daripada satu perempat (27%) daripada jumlah sistem perbankan manakala kadar penembusan sektor takaful telah meningkat kepada 14.8%. Di samping itu, kadar pertumbuhan aset perbankan Islam juga adalah lebih pantas (lebih dua kali ganda) daripada pertumbuhan aset sistem kewangan konvensional.

7. Pasaran kewangan Islam juga telah menjadi semakin kompetitif dengan kehadiran 16 buah bank Islam dan 11 buah pengendali takaful yang menawarkan lebih daripada 100 produk kewangan. Rangkuman kewangan juga telah diperkukuh sejak beberapa tahun dengan pemberian

pembiayaan Islam kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang seterusnya telah meningkatkan kadar pertumbuhan tahunan secara purata sebanyak 29% bagi tempoh 2010-2015.

Tuan Yang Di-Pertua,

8. Di samping itu, kejayaan kita adalah berdasarkan kepada inisiatif Malaysia dalam menerajui kepimpinan dalam kewangan Islam terutamanya dalam usaha memperkasakan kewangan Islam di Malaysia. Ia merupakan pendekatan berterusan dan usaha-usaha ini tidak terhenti di peringkat domestik sahaja malah kedudukan Malaysia selaku peneraju kewangan Islam di peringkat antarabangsa akan terus diperkukuhkan.

9. Inisiatif MIFC (Malaysia Islamic Financial Centre) yang dilancarkan pada tahun 2006 untuk meletakkan Malaysia sebagai peneraju utama kewangan Islam di peringkat antarabangsa. Malaysia kini merupakan salah sebuah pusat kewangan Islam utama di dunia selain Dubai dan London. Dalam tempoh 10 tahun, Malaysia telah diiktiraf sebagai pasaran kewangan Islam utama khususnya dalam penerbitan

sukuk, pengurusan dana, perbankan Islam dan takaful serta indeks pasaran antarabangsa.

10. Malaysia kini menjadi tuan rumah kepada dua entiti kewangan Islam antarabangsa yang penting iaitu:

- Islamic Financial Services Board (Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam) yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan piawaian berhemat (*prudential standards*) bagi institusi kewangan Islam di seluruh dunia.
- International Islamic Liquidity Management Corporation (Perbadanan Pengurusan Mudahtunai Islam Antarabangsa) yang bertanggungjawab untuk menerbitkan sukuk untuk memudahcara pengurusan mudah tunai institusi kewangan Islam di seluruh dunia.

Tuan Yang Di-Pertua,

11. Malaysia juga menjadi antara destinasi antarabangsa bagi pengajian ilmu, penyelidikan dalam bidang Syariah dan pakej latihan yang lengkap dalam kewangan Islam. Sebuah universiti *post-graduate* iaitu INCEIF (International Centre for Education of Islamic Finance) telah ditubuhkan sejak tahun 2006 untuk

melahirkan graduan kewangan Islam. Di samping itu, Malaysia merupakan satu-satunya negara yang mempunyai akademi penyelidikan Syariah yang khusus iaitu ISRA (International Shariah Research Academy) yang bertanggungjawab menjalankan penyelidikan dalam bidang Syariah dan merungkai permasalahan Syariah dalam bidang kewangan. Tambahan pula, bagi melahirkan guna tenaga yang kompeten untuk industri kewangan Islam, IBFIM (Islamic Banking and Finance Institute Malaysia) dipertanggungjawabkan untuk melatih kakitangan institusi kewangan Islam bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang tersebut.

12. Salah satu ukuran kejayaan sistem kewangan Islam di Malaysia ialah pengiktirafan antarabangsa terhadap usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Malaysia dalam memartabatkan kewangan Islam. Thomson Reuters, iaitu sebuah syarikat media global telah mengiktiraf Malaysia sebagai peneraju dalam sistem kewangan Islam selama 3 tahun berturut-turut dalam laporan mereka iaitu *Islamic Finance Development Report* bagi tahun 2014, 2015 dan 2016. Pengiktirafan ini adalah berasaskan penilaian bahawa Malaysia mempunyai ekosistem kewangan Islam yang paling maju di

dunia terutamanya dalam pembangunan kuantitatif, pengetahuan, tadbir urus, tanggungjawab sosial korporat dan inisiatif kesedaran.

13. World Bank juga turut mengiktiraf Malaysia di dalam laporan *Global Report on Islamic Finance 2016* yang menyatakan bahawa Malaysia bukan sahaja mempunyai peraturan pengawalseliaan yang paling lengkap dan maju, malah mempunyai industri perbankan Islam yang dinamik, dan pasaran sukuk terbesar di dunia. Malaysia turut mempunyai sumber insan terlatih terbesar dalam kewangan Islam, termasuk dalam bidang takaful.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI HASBI BIN HABIBOLLAH
[LIMBANG]
TARIKH : 22 MAC 2017
SOALAN :

YB Tuan Haji Hasbi Bin Habibollah [Limbang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan memulakan pembinaan Klinik Pakar Asas di Hospital Limbang yang amat diperlukan oleh penduduk Limbang.

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum akan keperluan menaiktaraf Hospital Limbang (yang sedang beroperasi dengan kapasiti 100 katil) dengan kemudahan bersesuaian bagi melengkapkan perkhidmatan kepakaran yang diperlukan.

Sebagai usaha untuk menaiktaraf fasiliti di Hospital Limbang, KKM memang mempunyai perancangan untuk membina Blok Tambahan yang menempatkan Klinik Pakar, Dewan Bedah dan Unit Rawatan Rapi di Hospital Limbang. Cadangan projek ini akan dipohon dalam *Rolling Plan* (dengan izin) Rancangan Malaysia akan datang.

Tuan Yang DiPertua,

Dalam *Rolling Plan* (dengan izin) Pertama RMKe-11, Kerajaan telah meluluskan peruntukan bagi pembinaan Unit Rawatan Rapi Neonatal (**NICU**) di Hospital Limbang. Projek ini sedang dalam proses perancangan awalan teknikal oleh pihak agensi pelaksana (JKR Sarawak).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN (KELANA JAYA)
TARIKH : 22.03.2017
NO. SOALAN : 18

YB TUAN WONG CHEN minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan:

- (a) adakah Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) akan melibatkan syarat-syarat yang serupa dengan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik seperti *Investor-State Dispute Settlement* dan peruntukan harta intelektual membebaskan; dan
- (b) adakah Menteri bersetuju menubuhkan Kaukus Parlimen untuk mengkaji RCEP.

JAWAPAN:

Tuan yang Di Pertua,

1. *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) pada masa ini masih dirundingkan. Setakat Mac 2017, sebanyak 17 buah pusingan rundingan telah dijalankan dan sebanyak 3 pusingan rundingan lagi telah dijadualkan pada tahun ini. Malaysia pada masa ini komited untuk memuktamadkan rundingan RCEP

pada akhir tahun 2017 namun perkara ini bergantung terhadap perkembangan rundingan dan fleksibiliti setiap negara perunding.

2. Memandangkan rundingan masih belum dimuktamadkan, perbandingan spesifik mengenai kandungan RCEP tidak dapat dilakukan. Namun begitu, pada masa ini, dari segi skop rundingan, RCEP tidak merangkumi isu-isu seperti Perolehan Kerajaan, Alam Sekitar mahupun Buruh. Walaupun demikian terdapat desakan daripada rakan-rakan FTA ASEAN supaya Perolehan Kerajaan turut dijadikan sebagai salah satu skop rundingan RCEP. Perolehan Kerajaan yang digambarkan oleh rakan-rakan FTA setakat ini adalah merangkumi aspek ketelusan dan kerjasama sahaja. ASEAN pada masa ini masih belum mengambil keputusan mengenai cadangan untuk memasukkan Perolehan Kerajaan ke dalam skop perjanjian RCEP.

3. Bab Pelaburan merupakan salah satu skop RCEP yang dipersetujui untuk dirundingkan. Walau bagaimanapun, memandangkan RCEP belum dimuktamadkan, isi kandungan Bab Pelaburan termasuk mengenai *Investor-State Dispute Settlement* (ISDS) masih tidak dapat dipastikan. Namun begitu, terdapat cadangan mengenai ISDS di dalam RCEP di mana sekiranya mekanisma ini dipersetujui, ianya akan mengambil kira keseimbangan di antara perlindungan terhadap pelabur dan kuasa Kerajaan untuk mentadbir dan menentukan polisi dari masa ke semasa.

4. Secara amnya, dengan mengambil kira pelaburan syarikat Malaysia di luar negara khususnya di negara-negara ASEAN,

adalah wajar supaya satu mekanisma perlindungan seperti ISDS turut dibincangkan di dalam RCEP. Ini akan memberikan keyakinan terhadap pelabur-pelabur Malaysia untuk memperluaskan perniagaan mereka ke luar negara. Pasaran RCEP yang merangkumi kira-kira 3.3 bilion penduduk memberikan alternatif perniagaan yang baik berbanding dengan pasaran tempatan Malaysia yang hanya berjumlah 31 juta orang. Syarikat-syarikat Malaysia seperti dalam sektor perbankan, telekomunikasi, pembinaan dan *franchise* antara lain seringkali berhadapan dengan masalah-masalah pertukaran polisi-polisi pelaburan seperti pegangan ekuiti asing yang merencatkan pertumbuhan dan operasi perniagaan mereka. Oleh yang demikian, untuk memastikan syarikat-syarikat Malaysia dapat berdaya saing di luar negara, aspek perlindungan terhadap syarikat-syarikat ini perlu dipertimbangkan.

5. Pada masa yang sama, Kerajaan menyedari bahawa polisi negara juga boleh dicabar oleh pelabur-pelabur asing di bawah RCEP melalui ISDS. Oleh yang demikian, Malaysia mengambil langkah berhati-hati dalam merencanakan sebarang komitmen dalam perkara ini berdasarkan kepada kemampuan dan keperluan semasa dan juga masa depan negara. Bergantung kepada hasil rundingan, terdapat ruang bagi Malaysia untuk mengecualikan sektor-sektor tertentu daripada komitmen-komitmen Bab Pelaburan yang secara amnya tidak dapat dicabar melalui ISDS.

6. Bab Harta Intelek di bawah *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) telah dirundingkan mulai pertengahan 2014 tetapi perkara-perkara substantif mengenai

harta intelek di dalam RCEP masih belum dimuktamadkan. Walaupun standard yang dibincangkan adalah lebih tinggi daripada Perjanjian *Trade-related Aspect of Intellectual Property Rights* (TRIPS) *World Trade Organization* (WTO) tetapi standard-standard tersebut tidak melangkaui standard perjanjian TPP. Perkara ini adalah kerana terdapat negara-negara yang paling kurang membangun (*least-developed countries*) yang turut terlibat dalam rundingan RCEP. Oleh yang demikian, adalah dijangkakan bahawa standard yang boleh dimuktamadkan adalah melangkaui tahap perjanjian TRIPS tetapi tidak menyentuh tahap TPP serta tidak melibatkan skop-skop harta intelek yang dianggap sensitif.

Tuan yang Di Pertua,

7. Bagi memastikan perjanjian ini dapat dimanfaatkan, Kerajaan beranggapan bahawa maklumbalas daripada segenap lapisan masyarakat perlu didengari dan seterusnya dipertimbang dan diimbangkan dengan aspirasi perkembangan ekonomi negara. Justeru itu, Kerajaan komited untuk mengadakan sesi konsultasi dengan para *stakeholders* yang berkaitan bagi mencapai tujuan ini. Kerajaan akan memastikan dengan sebanyak mungkin, bahawa terdapat timbal balas yang setimpal diperoleh bagi setiap akses pasaran yang diberikan.

8. Saranan untuk mengadakan Kaukus Parlimen mengenai RCEP telah pun dilaksanakan. Sebanyak dua sesi Kaukus Parlimen melibatkan RCEP telah dijalankan iaitu pada 24 Mei 2016 dan 8 November 2016. Kementerian ini juga bercadang

untuk terus mengadakan Kaukus Parlimen ini secara berkala dan sesi seterusnya akan diadakan dalam masa terdekat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HASAN BIN ARIFIN
(ROMPIN)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 22.03.2017

Y.B. DATO' HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan impak pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dalam membantu pertumbuhan ekonomi negara dan sebagai model dan pendekatan langsung membantu B40. Apakah keadaan ekonomi global yang semakin mencabar kebelakangan ini akan memberi kesan kepada program bantuan BR1M di masa akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pemberian BR1M secara tidak langsung membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi dari segi menggalakkan pertumbuhan industri

yang menghasilkan barang pengguna. Ini terbukti melalui peningkatan dalam pengeluaran industri berkaitan pengguna termasuk kediaman, makanan & minuman, kenderaan bermotor, elektrik & gas serta kewangan & insurans. Selain itu, dari sudut permintaan pemberian BR1M membantu meningkatkan penggunaan swasta kepada purata 7.1% antara tahun 2012 - 2015 berbanding 6.8% tanpa BR1M.

Selain daripada BR1M, pelbagai bantuan dan program yang diadakan Kerajaan dalam membantu B40 seperti berikut:

1. Elaun sara hidup nelayan RM200 - RM300 sebulan kepada 57,000 nelayan
2. Pelepasan cukai pendapatan sehingga RM2,500 setiap tahun mulai tahun taksiran 2017 (digabungkan sebagai pelepasan cukai gaya hidup)
3. Memperluas Program Mobilepreneur
4. Melaksana Program Agropreneur Muda
5. Menggiatkan Program eUsahawan & eRezeki
6. Meningkatkan peluang & kapasiti perniagaan Bumiputera melalui SME Bank
7. Program keusahawanan di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia
8. Membantu usahawan kecil TEKUN, termasuk skim baharu

TEMANITA

9. Program Pembiayaan Keusahawanan & Premis Perniagaan PUNB
10. Program keusahawanan MARA seperti industri halal, usahawan belia & latihan
11. Pinjaman kepada komuniti Cina melalui, KOJADI, Malaysian Chinese Women Entrepreneurs Foundation dan Yayasan Penjaja & Peniaga Kecil 1Malaysia
12. Program peningkatan kapasiti dan pendapatan masyarakat India melalui TEKUN

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, keadaan ekonomi global yang semakin mencabar bukanlah halangan kepada Kerajaan untuk meneruskan inisiatif BR1M pada masa depan memandangkan program ini telah dapat membantu meringankan beban perbelanjaan harian rakyat yang berpendapatan rendah di samping dapat menjana ekonomi Negara. Kementerian Kewangan juga sentiasa meneliti dan akan membuat penambahbaikan ke atas program BR1M supaya sebarang kelemahan berkaitan pelaksanaan BR1M akan dapat diatasi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]
TARIKH : 22 MAC 2017
SOALAN :

YB Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **Menteri Kesihatan** menyatakan kesan dan respons rakyat terhadap kenaikan 50% caj rawatan di hospital Kerajaan dan sama ada Kementerian bercadang supaya ubat kemoterapi perlu ditanggung oleh pesakit sendiri.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Melalui telah mengemaskini Perintah Fi (Perubatan) 1982 dengan menaikkan kadar caj wad, rawatan dan siasatan bagi pesakit Kelas 1 sebanyak 50% dan menaikkan kadar caj wad Kelas 2 sebanyak 25%. Kadar caj bagi pesakit Kelas 3 yang merupakan 98% daripada jumlah keseluruhan kemasukan pesakit ke hospital, tidak berubah. Rawatan dan siasatan Kelas 1 merupakan perkhidmatan pilihan dan kepada mereka yang sudi dan mamapu bayar. Oleh itu, kenaikan kadar caj tersebut tidak mendatangkan kesan yang ketara kepada rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah

Kemoterapi merupakan salah satu cabang rawatan kanser dan meliputi semua jenis cara administrasi termasuklah secara suntikan ataupun oral (dalam bentuk tablet). Buat masa ini semua rawatan kemoterapi dikenakan caj bayaran yang minima dan Kerajaan memberi subsidi yang tinggi untuk rawatan ini terutamanya bagi pesakit Kelas 3 dan pesakit luar.

NO. SOALAN: 21

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK LIANG TECK MENG

TARIKH : 22 MAC 2017

RUJUKAN : 9659

SOALAN:

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tahap keselamatan di pintu masuk utama negara seperti di lapangan terbang antarabangsa. Apakah kaedah yang diguna-pakai dan jelaskan bagaimana Kementerian mengawal mutu perkhidmatan keselamatannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Lapangan terbang di seluruh negara merupakan instalasi sasaran penting keutamaan (1) yang diwartakan sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan di bawah Seksyen (4) dan Seksyen (5) Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298). Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB) merupakan penghuni instalasi sasaran penting bagi Lapangan Terbang, manakala Bahagian Keselamatan Malaysia Airports (AVSEC) adalah pihak yang diberi kuasa untuk menjalankan tugas-tugas kawalan dalam kawasan lapangan terbang sebagaimana tafsiran di Seksyen 3 Akta 298.

Di bawah *National Civil Aviation Security Programme* (NCASP), kawasan penugasan telah dibahagikan di mana *airside* terletak di bawah tanggungjawab Bahagian Keselamatan Malaysia Airports (AVSEC) manakala *landside* di bawah kawalan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Merujuk kepada beberapa insiden yang berlaku di kawasan lapangan terbang di dalam dan di luar negara sejak kebelakangan ini, Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCA), Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengambil langkah bagi

memperketatkan lagi kawalan di lapangan terbang melalui tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan seperti berikut:-

- i) Mulai 1 April 2016, tahap keselamatan di semua lapangan terbang antarabangsa (LTAB) telah dinaikkan ke tahap jingga oleh Ketua Pengarah Penerbangan Awam (DCA). Selaras dengan itu, satu mesyuarat penyelarasan antara agensi keselamatan telah diadakan pada 4 April 2016 bagi membincangkan langkah-langkah untuk memperketatkan lagi kawalan di lapangan terbang. Mesyuarat berkenaan juga telah memutuskan agar satu jawatankuasa khas ditubuhkan bagi menyelaraskan aspek keselamatan LTAB khususnya di *landside* dan kawasan kargo.**

- ii) Jawatankuasa Pusat Sasaran Penting (JPSP) dan Jawatankuasa Sasaran Penting Negeri (JSPN) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui pasukan naziran yang dilantik akan membuat pemeriksaan keselamatan dan melaporkan mengenai langkah-langkah keselamatan fizikal yang perlu dilaksanakan oleh penghuni-penghuni sasaran penting secara berkala.**

- iii) PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di bawah Kerjasama Strategi Lautan Biru Negara (NBOS) telah melancarkan “Op Ledak” dengan melaksanakan rondaan**

di *landside* KLIA secara syif 24 jam dengan kekuatan setiap rondaan terdiri daripada dua (2) anggota PDRM dan seorang (1) anggota ATM.

- iv) Komander Briged Tengah PGA yang berpangkalan di Cheras, Kuala Lumpur telah dilantik sebagai *Comander Crisis Management Team (CMT)* dan anggota *strike-force* daripada Unit Tindakan Khas serta 69 Komando boleh diatur gerak pada bila-bila masa untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang berlaku.
- v) PDRM khususnya Pasukan Gerakan Am (PGA) sedang membuat kajian bagi meneliti langkah untuk menambah bilangan anggota bertugas mengikut keperluan dan penilaian tahap keselamatan di lapangan terbang.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan agensi lain yang berkaitan dengan Lapangan Terbang telah mengambil pendekatan yang sewajarnya untuk menentukan tahap keselamatan lapangan terbang berada dalam keadaan yang selamat daripada sebarang ancaman dan perbuatan sabotaj. Kejadian yang berlaku di lapangan terbang seperti serangan kepada pimpinan Tamil Naidu Sri Lanka dan kematian abang tiri Presiden Korea Utara di KLIA terjadi di kawasan yang boleh dimasuki oleh orang awam. Walaupun agak sukar untuk pihak berkuasa mengesan perlakuan sedemikian pada peringkat awal, tahap kesiapsiagaan dan

tindakan kawalan akan terus dipertingkatkan bagi memperkukuhkan kawalan keselamatan di lapangan terbang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN RAMKARPAL SINGH
A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 22 MAC 2017

SOALAN :

YB Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada sekiranya satu Daftar Penjenayah Seks (Sexual Offenders Registry) diperkenalkan, samada semua penjenayah seks akan didaftarkan atau hanya penjenayah seks yang berulang (repeat sex offenders).

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian sedang dibuat tentang kewajaran cadangan mewujudkan undang-undang berkaitan dengan pendaftaran kesalahan seksual. Walau bagaimanapun, buat masa ini terdapat Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang yang Tidak Diingini 1969 [Akta 7] bagi pendaftaran penjenayah, orang dibuang negeri, diusir, dinyah negeri dan orang terhad tertentu dan bagi maksud lain yang bersangkutan dengannya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD
[LIPIS]
TARIKH : 22.3.2017 (RABU)

Dato' Haji Abdul Rahman Bin Mohamad [Lipis] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan langkah proaktif bagi mengimbangi kenaikan harga barang dengan harga minyak petrol oleh kerana apabila harga minyak petrol menurun, harga barang tidak juga mengalami penurunan tetapi apabila harga minyak petrol naik, harga barang turut sama meningkat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan sistem ekonomi pasaran terbuka di mana kuasa pasaran (*market forces*) memainkan peranan dalam penentuan harga barangan. Harga adalah tertakluk kepada pengaruh faktor-faktor dalaman dan luaran.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sentiasa prihatin dan menjalankan pemantauan bagi memastikan peniaga tidak mengambil keuntungan berlebihan dan membekalkan barangan dengan harga yang berpatutan kepada pengguna.

Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian adalah seperti berikut:

- i. menguatkuasakan **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** bagi mengawal pengambilan keuntungan secara tidak munasabah oleh peniaga atau mencatut;
- ii. melaksanakan **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan** bagi mengawal kenaikan harga barang keperluan yang tidak munasabah semasa permintaan tinggi pada musim-musim perayaan utama;
- iii. menguatkuasakan **Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993** bagi mewajibkan peniaga meletak tanda harga ke atas barangan yang dijual atau mempamerkan senarai harga;

- iv. meningkatkan **keberadaan (*omnipresence*)** pegawai-pegawai penguatkuasa di tempat-tempat terpilih yang menjadi tumpuan orang ramai. Inisiatif ini bertujuan mewujudkan ruang persekitaran perniagaan yang selamat dan beretika melalui kehadiran pegawai penguatkuasa bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan dan usaha untuk melindungi pengguna;
- v. mewujudkan **Skuad Tindakan Aduan Rakyat (STAR)** dan **Special Action Squad (SAS)** dalam usaha untuk menyelesaikan aduan rakyat melalui tindakan yang **cepat dan pantas**;
- vi. menjalankan **pemantauan harga barangan keperluan asas di seluruh negara di bawah Program Pemantauan Harga oleh Pegawai Pemantau Harga Kementerian**;
- vii. memperkenalkan program ***Friends of KPDNKK*** yang merupakan mata dan telinga Kementerian. Kementerian akan bekerjasama dengan pengguna yang menyertai program ini bagi menyebarkan maklumat kepenggunaan terutama mengenai isu harga barang;
- viii. mengadakan kerjasama dengan **Kerajaan Negeri dan Agensi Kerajaan** lain serta penglibatan **penghulu dan penggawa** dalam membantu memantau dan menyalurkan maklumat perubahan harga barangan di premis perniagaan kepada Kementerian; dan
- ix. menyediakan **pelbagai medium penyaluran aduan** bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan. Sebarang

aduan berkaitan isu kepenggunaan boleh dikemukakan melalui saluran-saluran berikut:

- a) Portal e-Aduan KPDNKK;
- b) Talian Hotline 1-800-886-800;
- c) Emel di alamat e-aduan@kpdnkk.gov.my;
- d) SMS ke 15888;
- e) Aplikasi Telefon Pintar – Ez ADU KPDNKK;
- f) Media Sosial – Twitter dan Facebook KPDNKK;
- g) Peti Aduan Pengguna yang ditempatkan di pasaraya dan pasar awam;
- h) Pejabat-pejabat Penghulu; dan
- i) Lapor atau hadir sendiri ke mana-mana pejabat/ cawangan KPDNKK yang berhampiran.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian juga mengambil inisiatif-inisiatif bagi terus menyediakan barangan dengan harga yang berpatutan kepada pengguna:

- i. mengadakan program **Kedai Harga Patut** di premis-premis yang telah dikenalpasti menjual barangan pada harga yang berpatutan dan kompetitif;
- ii. menyeragamkan harga barang-barang keperluan pengguna seperti beras, gula, minyak masak, tepung gandum, LPG, petrol RON 95 dan diesel pada harga yang ditetapkan Kerajaan melalui **Program Penyeragaman Harga**; dan
- iii. mengadakan **kerjasama bersama agensi kerajaan lain** yang mengawal selia bekalan barangan perlu untuk

memastikan supaya bekalan mencukupi dan dapat diperolehi dengan harga berpatutan serta mengadakan program bagi menyediakan barang keperluan dengan harga yang lebih murah dan berpatutan kepada pengguna seperti **MyFARM Outlet**. Program ini adalah melalui kerjasama antara KPDNKK, MOA dan KKLW.

Selaras dengan matlamat sebagai **Caring Ministry**, Kementerian berharap dengan usaha-usaha yang telah dinyatakan akan dapat menangani isu harga dengan lebih baik demi mempertingkatkan kesejahteraan rakyat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG
[IPOH TIMUR]

TARIKH : 22 MAC 2017 (RABU)

SOALAN :

Tuan Su Keong Siong minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini mengenai sistem pengangkutan kenderaan Uber di Malaysia. Apakah kriteria-kriteria yang akan di kenakan ke atas pemandu Uber ini.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Satu makmal khusus telah dilaksanakan bagi mengenal pasti isu-isu dan permasalahan yang dihadapi oleh pemain industri teksi. Makmal berkenaan telah melibatkan semua *stakeholders* yang berkenaan, termasuk pemandu teksi sendiri, agensi-agensi Kerajaan, syarikat-syarikat teksi dan badan-badan bukan Kerajaan (NGO).
2. Hasil daripada makmal berkenaan telah melahirkan Program Transformasi Industri Teksi (TITP) yang menyenaraikan 11 inisiatif untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan teksi dan pada masa yang sama memberi fokus yang khusus terhadap keperluan dan kebajikan pemandu teksi.
3. Antara inisiatif tersebut ialah untuk mengawal selia perkhidmatan *e-hailing*, iaitu aktiviti tempahan perkhidmatan teksi atas talian melalui aplikasi pintar/mudah alih seperti UBER dan Grab sebagai perkhidmatan perantara di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010. Bagi tujuan ini, pindaan kepada undang-undang sedia ada akan dibentangkan di Parlimen pada mesyuarat pertama tahun ini.
4. Langkah kawal selia ini adalah untuk memastikan penggunaan teknologi membawa kesan yang positif bukan sahaja pemandu teksi, pemandu *e-hailing* dan penumpang, malah memberi ruang kepada

usahawan tempatan yang berminat untuk menerokai peluang dalam industri ini melalui pembangunan sistem aplikasi tempatan.

5. Pada masa yang sama, satu rangka polisi baru telah disediakan bagi memastikan pengendali perkhidmatan berkenaan menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan memberi manfaat kepada pengguna dan juga pemandu. Ia juga bertujuan untuk memastikan penyelesaian yang adil dan saksama kepada semua pemain industri untuk bersaing secara lebih sihat.

6. Antaranya, penyedia perkhidmatan *e-hailing* akan diwajibkan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Selain itu, prosedur sama yang perlu dipatuhi oleh pemandu teksi juga terpakai kepada semua pemandu *e-hailing*, seperti keperluan untuk memiliki Kad Pemandu yang dikeluarkan oleh SPAD, pemeriksaan kenderaan serta proses saringan dan latihan yang akan ditetapkan. Melalui kaedah ini, kedua-dua perkhidmatan teksi konvensional dan juga *e-hailing* akan dapat memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada orang awam.

7. Disamping itu, pemandu-pemandu teksi sedia ada juga disaran untuk memanfaatkan penggunaan teknologi dalam menyediakan perkhidmatan bagi memperbaiki mutu perkhidmatan dan bersaing dengan pemberi perkhidmatan *e-hailing* yang lain.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN

TARIKH : 22 MAC 2017

RUJUKAN : 9800

SOALAN:

Dr. Mansor Bin Abd Rahman [Sik] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah mekanisme dalam mengenal pasti individu yang berpotensi terlibat dengan militan pengganas ini, dan apakah langkah Kerajaan bagi menyekat perkembangan aktiviti terrorisma ini dan masalah IS ini juga berterusan dan merupakan satu fenomena "iceberg".

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

KDN melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengambil beberapa tindakan bagi mengekang ideologi militan daripada terus berleluasa, antaranya:

- (i) mengadakan kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi memantau media-media sosial yang menjadi medium komunikasi golongan belia;**
- (ii) melaksanakan Modul Pemulihan Bersepadu dengan penglibatan KDN sendiri, PDRM, Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM);**
- (iii) menguatkuasakan Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA) dan Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA);**
- (iv) mengadakan kerjasama dengan agensi-agensi perisikan luar negara khususnya dari ASEAN bagi memantau dan menjejaki mereka yang disyaki atau didapati terlibat dengan kumpulan-kumpulan pengganas;**

- (v) memberi nama individu yang disyaki sebagai pengganas kepada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk disenaraihitamkan dan dimasukkan ke dalam Senarai Syak bagi menyekat pergerakan mereka di semua pintu masuk dan keluar di seluruh negara;**

- (vi) melaksanakan *Advanced Passenger Screening System* (APSS) yang merupakan saringan awal dan terperinci ke atas pelancong untuk memasuki Malaysia sebelum berlepas dari negara asal; dan**

- (vii) mengadakan kerjasama dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) melalui pelbagai program penerangan sebagai pencegahan melalui ceramah-ceramah, khutbah Jumaat, perjumpaan, seminar dan media sosial kepada golongan-golongan tertentu bagi menerangkan konteks jihad sebenar dan bahaya fahaman ekstrem yang menjurus ke arah kegiatan militan.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ER TECK HWA [BAKRI]
TARIKH : 22 MAC 2017
SOALAN :

YB Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik terperinci kedatangan pelancong perubatan berdasarkan negara mana dan perbelanjaannya mengikut tahun 2016 berbanding dengan tempoh yang sama tahun 2015.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan mengenal pasti pelancongan kesihatan sebagai salah satu sektor penyumbang untuk melonjakkan pertumbuhan ekonomi Negara. Malaysia mempunyai potensi yang sangat besar sebagai destinasi pelancongan kesihatan berdasarkan pelbagai faktor-faktor tarikan seperti kos perubatan yang kompetitif, pakar perubatan yang berkelayakan taraf antarabangsa, sistem penjagaan kesihatan yang baik, fasiliti perubatan yang bertauliah antarabangsa, serta kemudahan perubatan yang canggih dan terkini.

Berikutan ini, Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia atau *Malaysia Healthcare Travel Council* (MHTC) ditubuhkan pada tahun 2009 di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk mempromosi dan

memudahkan pembangunan industri pelancongan kesihatan Malaysia. MHTC melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah jenama *Malaysia Healthcare* untuk meletakkan negara sebagai destinasi pilihan antarabangsa bagi penjagaan kesihatan. Kerajaan menyasarkan pendapatan melalui pelancong kesihatan akan mencapai RM2.7 bilion menjelang tahun 2020.

Bagi mencapai aspirasi ini, MHTC memetakan tiga pendekatan tunggal sebagai strategi untuk merencanakan inisiatif promosi dan pemasaran pelancongan kesihatan negara, iaitu pemudahcaraan (*facilitation*), pemasaran digital (*digital marketing*) dan kelestarian industri (*industry sustainability*).

Sebagai pemudah cara, MHTC memberi fokus kepada inisiatif berpaksikan perniagaan (*business-to-business* atau *B2B*) bagi membina persepakatan (*alliances*) dan menjalinkan rangkaian (*networking*) di antara hospital-hospital swasta di negara kita dengan rakan kongsi antarabangsa yang berpotensi.

MHTC juga menawarkan pengalaman perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lancar (*seamless, end-to-end experience*) melalui laman sesawang (*web portal*), pejabat-pejabat wakil MHTC, perkhidmatan pusat panggilan (*call centre*), serta perkhidmatan *medical concierge* di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Luar Negeri (Pejabat Perwakilan Malaysia), MHTC turut membantu memudahkan cara proses permohonan visa ke Malaysia bagi tujuan perubatan. Di samping itu, pakej-pakej pelancongan kesihatan disediakan bukan sahaja untuk mendapatkan rawatan perubatan tetapi juga menawarkan peluang bagi rekreasi sebelum dan/ atau selepas rawatan.

MHTC juga menggiatkan pemasaran digital dengan pengaplikasian internet dan media sosial termasuk *Facebook* dan *Twitter* bagi mempermudah capaian maklumat secara global.

Dalam pada itu, media massa turut diberi keutamaan melalui pelbagai liputan tempatan dan antarabangsa untuk meningkatkan visibiliti Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan.

Bagi memantapkan pemasaran secara agresif dan berkesan, MHTC telah mengenal pasti empat (4) negara bagi fokus utama, iaitu Indonesia, Republik Rakyat China, Myanmar dan Vietnam di samping menembusi pasaran-pasaran lain secara berterusan. Selain itu, strategi pemasaran juga akan beralih ke arah pelanggan bernilai tinggi dengan menawarkan rawatan perubatan yang khusus (*niche*), bagi meningkatkan purata pendapatan yang dijana daripada setiap pelancong kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha-usaha promosi yang dilaksanakan sehingga kini terbukti melalui pertumbuhan data pelancongan kesihatan yang menggalakkan serta pelbagai pengiktirafan antarabangsa yang memberikan kesan yang amat positif kepada negara.

Prestasi pelancong kesihatan menunjukkan peningkatan dengan purata pertumbuhan antara tahun 2011 hingga 2015 sebanyak 8% bagi bilangan pelancong kesihatan dan 15% bagi pendapatan yang dijana.

Pada tahun 2015, Malaysia telah merekodkan sejumlah RM914 juta pendapatan yang dijana melalui 859,000 pelancong kesihatan. Pengumpulan data untuk tahun 2016 dijangka akan mencecah RM1.12 bilion melalui

996,000 pelancong kesihatan, iaitu peningkatan tahunan melebihi 23% bagi pendapatan yang dijana dan 16% bagi bilangan pelancong kesihatan.

Melalui statistik yang diperolehi, pelancong kesihatan yang menerima rawatan di Malaysia termasuk berasal dari:

- (i) Indonesia;
- (ii) India;
- (iii) Republik Rakyat China;
- (iv) Jepun;
- (v) United Kingdom;
- (vi) Bangladesh;
- (vii) Filipina;
- (viii) Singapura;
- (ix) Australia; dan
- (x) negara-negara Timur Tengah.

Antara perkhidmatan perubatan yang mendapat permintaan tinggi dalam kalangan pelancong kesihatan ialah kardiologi, ortopedik, onkologi, neurologi, pergigian, perkhidmatan teknik reproduktif berbantu dan pembedahan kosmetik.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara inisiatif jangka panjang yang telah digariskan untuk pelancongan kesihatan Malaysia ialah:

- (i) penjenamaan pelancongan kesihatan secara berterusan melalui kempen-kempen "*Malaysia Loves You*" dan "*Share My Love*";
- (ii) memperluaskan aktiviti pemasaran melangkaui pasaran tradisional, iaitu Indonesia;

- (iv) melancarkan kempen pemasaran yang berfokus, agresif dan berseghmen untuk menembusi pasaran sasaran dengan lebih berkesan.

Kerajaan yakin dengan strategi yang telah dipetakan serta sokongan padu daripada semua, tidak kira sama ada pihak Kerajaan, bukan Kerajaan, sektor swasta dan rakyat, Malaysia akan berjaya merealisasikan matlamat negara untuk menjadi destinasi pelancongan kesihatan pilihan di rantau ini.

996,000 pelancong kesihatan, iaitu peningkatan tahunan melebihi 23% bagi pendapatan yang dijana dan 16% bagi bilangan pelancong kesihatan.

Melalui statistik yang diperolehi, pelancong kesihatan yang menerima rawatan di Malaysia termasuk berasal dari:

- (i) Indonesia;
- (ii) India;
- (iii) Republik Rakyat China;
- (iv) Jepun;
- (v) United Kingdom;
- (vi) Bangladesh;
- (vii) Filipina;
- (viii) Singapura;
- (ix) Australia; dan
- (x) negara-negara Timur Tengah.

Antara perkhidmatan perubatan yang mendapat permintaan tinggi dalam kalangan pelancong kesihatan ialah kardiologi, ortopedik, onkologi, neurologi, pergigian, perkhidmatan teknik reproduktif berbantu dan pembedahan kosmetik.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara inisiatif jangka panjang yang telah digariskan untuk pelancongan kesihatan Malaysia ialah:

- (i) penjenamaan pelancongan kesihatan secara berterusan melalui kempen-kempen "*Malaysia Loves You*" dan "*Share My Love*";
- (ii) memperluaskan aktiviti pemasaran melangkaui pasaran tradisional, iaitu Indonesia;

- (iii) mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi untuk penjagaan kesihatan kepakaran dan sub-kepakaran; serta
- (iv) melancarkan kempen pemasaran yang berfokus, agresif dan bersegi untuk menembusi pasaran sasaran dengan lebih berkesan.

Kerajaan yakin dengan strategi yang telah dipetakan serta sokongan padu daripada semua, tidak kira sama ada pihak Kerajaan, bukan Kerajaan, sektor swasta dan rakyat, Malaysia akan berjaya merealisasikan matlamat negara untuk menjadi destinasi pelancongan kesihatan pilihan di rantau ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Datuk Wira Haji Ahmad Bin Hamzah [Jasin]**
TARIKH : **22.03.2017 (RABU)**
NO. SOALAN : **27**

minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah hasilnya outcome usaha Kerajaan untuk memulihkan semula kadar pertumbuhan produktiviti, yang mana menurut MPC, telah menurun dari 2.8% bagi tempoh 2003 - 2009 kepada 1.2%.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha secara berterusan untuk menambah baik kecekapan dan daya saing sektor swasta untuk pertumbuhan yang mesra rakyat. Justeru, pelbagai strategi dan inisiatif di peringkat nasional, sektor dan perusahaan telah diperkenalkan sepanjang RMKe-10 untuk memulihkan semula kadar pertumbuhan produktiviti negara.

Di antara strategi dan inisiatif yang dilaksanakan adalah dengan mempergiat lagi usaha mempertingkatkan kecekapan modal insan, menggalakkan inovasi, penambahbaikan dalam rangka kerja peraturan dan pengawalseliaan, kolaborasi antara swasta dan awam serta pembudayaan

produktiviti melalui gerakan minda utama dan diserapkan sebagai amalan budaya kerja harian.

Melalui pelaksanaan usaha-usaha ini, Malaysia berjaya mencatatkan pertumbuhan produktiviti pekerja sebanyak 3.3% kepada RM75,538 pada tahun 2015 daripada RM73,091 pada tahun 2014. Pertumbuhan produktiviti ini telah menyumbang kepada 5% pertumbuhan dalam ekonomi Malaysia kepada RM1,062.6 bilion dalam tahun yang sama. Produktiviti telah berkembang pada kadar purata yang sama iaitu 2% setiap tahun antara 2010 dan 2015, manakala produktiviti pekerja yang dinilai oleh Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per jam bekerja meningkat kepada RM34.90 pada tahun 2015 daripada RM33.71 pada tahun 2014.

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam tempoh RMKe-11, strategi untuk penambahbaikan produktiviti akan ditumpukan melalui peningkatan kecekapan modal dan sumbangan melalui Produktiviti Faktor Menyeluruh (*Total Factor Productivity - TFP*). TFP akan menjadi pemacu penting pertumbuhan ekonomi Negara dalam RMKe-11, dengan disokong oleh penubuhan Majlis Produktiviti Negara (NPC) yang akan diwujudkan tidak lama lagi. Majlis ini akan menggariskan arahan dan merangka pelan tindakan yang komprehensif dan khusus melalui rancangan lima tahun Pelan Tindakan Produktiviti Malaysia (*Malaysia Productivity Blueprint*). Pelan Tindakan ini akan menangani isu-isu dan cabaran terhadap produktiviti secara menyeluruh dan bersepadu melalui pembangunan rangka kerja produktiviti negara termasuk merencana dan membangunkan strategi penambahbaik produktiviti, inisiatif dan program industri dan perusahaan negara.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN JAWAB LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN
[TEMERLOH]**

TARIKH : 22 MAC 2017 (RABU)

RUJUKAN :

SOALAN:

**Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta MENTERI
SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan :-**

- (a) adakah SOP bagi moratorium aktiviti bauksit yang dijanjikan telah diguna pakai; dan
- (b) senarai 38 buah syarikat atau individu yang telah diberikan AP Khas untuk mengeksport bauksit.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sepanjang tempoh penganan moratorium berkuatkuasa mulai 15 Januari 2016, SOP baharu aktiviti perlombongan dan pengeksportan bauksit telah dilaksanakan secara berperingkat di semua aspek terutamanya bagi proses pengosongan *stockpile* yang berada di luar kawasan pelabuhan. SOP ini perlu dipatuhi oleh semua pengusaha bagi tujuan mengalihkan bauksit ke dalam pelabuhan dengan mengambil langkah mitigasi pencemaran terhadap alam sekitar seperti pembinaan sistem perparitan, pemasangan *hoarding, netting dan washing bay*.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan 38 yang dinyatakan YB Menteri pada 7 September 2016 adalah merujuk kepada bilangan AP Khas yang dikeluarkan dan bukannya bilangan syarikat. Dalam hal ini, pada ketika kenyataan akhbar dibuat bilangan syarikat yang diluluskan AP Khas hanyalah 24 syarikat seperti berikut:

BIL.	SYARIKAT
1.	Cheroh Mining Sdn Bhd
2.	Al Leveres Sdn Bhd
3.	Fazwa Enterprise
4.	Fahad Holdings Sdn Bhd
5.	Maju Rakyat Logistics Sdn Bhd
6.	Sinar Tani Sdn Bhd

BIL.	SYARIKAT
7.	Good Man Venture Sdn Bhd
8.	Shandong Mineral Sdn Bhd
9.	Gebeng Mining Sdn Bhd
10.	Miva Bina Consult Sdn Bhd
11.	Heng Hiap Metal
12.	Powerus Sdn Bhd
13.	Asyadian Trading Sdn Bhd
14.	Dynasty Mineral Sdn Bhd
15.	Serijaya Kristal Sdn Bhd
16.	Golden Prosperous Resources Sdn Bhd
17.	Multi Metal Resources Sdn Bhd
18.	SE Satu Pelangi Sdn Bhd
19.	Saffron Alcove Sdn Bhd
20.	Salam Delima Sdn Bhd
21.	Asia Power Mining Sdn Bhd
22.	Kreatif Selaras Mining Sdn Bhd
23.	Sincere Pacific Mining (M) Sdn Bhd
24.	WM Mining Industries Sdn Bhd

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]**

TARIKH : 22 MAC 2017

SOALAN :

YB. Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan :-

- (a) apakah statistik terkini pelancong dari China yang melawat ke Malaysia sejak tahun 2012; dan
- (b) apakah langkah-langkah dan kerjasama Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan negeri Sarawak dalam usaha menjadikan Sarawak sebagai destinasi pelancongan pilihan utama bagi pelancong asing.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik bagi kedatangan pelancong-pelancong dari China yang melawat ke Malaysia sejak tahun 2012 sehingga tahun terkini 2016 menunjukkan peningkatan yang agak baik iaitu di sekitar 36.3%. Pada tahun 2016, negara kita telah menerima sebanyak 2,124,942 juta orang pelancong berbanding dengan tahun 2012 iaitu sebanyak 1,558,785 orang pelancong. Ini adalah disebabkan usaha promosi berterusan yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Tourism Malaysia.

Tahun	2012	2013	2014	2015	2016
Jumlah	1,558,785	1,791,423	1,613,355	1,677,163	2,124,942

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia melalui Tourism Malaysia telah menjalankan pelbagai usaha promosi bagi menjadikan Sarawak sebagai destinasi pelancongan pilihan utama bagi pelancong asing seperti menghasilkan iklan dokumentari pada tahun 2014 hingga 2016 di saluran National Geographic Channel (NGC):

- i. Exploring Malaysia with Nick Baker (Adventure) di Sungai Semadang, Gua Pari, dan Taman Negara Bako.

- ii. Exploring Malaysia with Nick Baker (Caving) di Taman Negara Gunung Mulu, Gua Niah dan Gua Air Jernih.

Iklan-iklan dokumentari ini adalah dihasilkan untuk pasaran Eropah, Korea, Jepun, Taiwan, Asia Tenggara, China, Australia, India, Timur Tengah dan Afrika Utara. Jumlah “*advertising spots*” adalah sebanyak 6,996 pada tahun 2016.

Di samping usaha-usaha tersebut, Tourism Malaysia turut melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- i. Menyertai Beijing International Tourism Expo (BITE) 2016 bersama-sama dengan pengusaha pelancongan negeri seperti Sarawak Tourism Board (STB) 24 hingga 26 Jun 2016 di China National Convention Center (CNCC);
- ii. Menyertai Taipei International Travel Fair (ITF) 2016 bersama-sama dengan pengusaha pelancongan negeri seperti Sarawak Tourism Board (STB) pada 27 hingga 30 Oktober 2016 di Taipei World Trade Center (TWTC); dan
- iii. Membawa masuk penerbangan sewa khas “Charters” sempena promosi Tahun Baru Cina 2017 dan promosi musim panas di Taiwan dari Jun hingga Ogos 2017 melalui kerjasama dengan syarikat penerbangan MAS dan pengusaha pelancongan di Taiwan.

Selain daripada itu, lawatan "Fam Trip" ke Sarawak yang telah dilaksanakan oleh Pejabat Luar Negara Tourism Malaysia termasuklah:

- i. Italian Best Tour Operator Fam Trip (TM Milan) pada 26 Mac hingga 2 April 2016 seramai 20 orang.
- ii. Singapore Airlines Out of Window Fam Trip (TM The Hague) pada 6 hingga 11 November 2016 seramai 19 orang.
- iii. Hungary and Slovakia Tour Operator Fam Trip (TM Frankfurt) pada 11 hingga 17 November 2016 seramai 9 orang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN TEO NIE CHING
[KULAI]
TARIKH : 22 MAC 2017
SOALAN :

YB Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan rang undang-undang baru untuk menangani asuhan seksual (sexual grooming) kanak-kanak oleh penjenayah melalui aplikasi media sosial yang telah dikenalpasti sebagai punca utama kes rogol di Malaysia.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suatu undang-undang yang komprehensif berkaitan dengan jenayah seksual kanak-kanak sedang digubal oleh Kerajaan, antara lain yang meliputi kesalahan asuhan seksual kanak-kanak (*grooming of a child*). Undang-undang tersebut dijangka akan dibentangkan dalam sidang Parlimen kali ini.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN. : 31

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK
SENA]**

TARIKH : 22 MAC 2017 (RABU)

NO. RUJ. :

SOALAN :

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta MENTERI
SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan adakah
Kementerian mempunyai mekanisme untuk memantau serta mengawal
pemilikan asing terhadap hartanah di dalam negara.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Garis Panduan Perolehan Hartanah oleh kepentingan asing telah diluluskan oleh Majlis Tanah Negara ke-70 yang bersidang pada 18 November 2014. Garis panduan ini menyenaraikan syarat-syarat yang perlu dipatuhi berkaitan dengan perolehan hartanah oleh kepentingan asing seperti yang berikut:

“ VI. SEKATAN

10. Kepentingan asing **TIDAK DIBENARKAN** memperoleh:

10.1 Hartanah yang bernilai kurang daripada RM1,000,000 seunit;

10.2 Unit kediaman di bawah kategori kos rendah dan sederhana rendah seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri;

10.3 Hartanah di atas Tanah Rizab Melayu; dan

10.4 Hartanah yang telah diperuntukkan kepada kepentingan Bumiputera dalam suatu projek pembangunan hartanah yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.”

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN ISU DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TERESA KOK SUH KIM [SEPUTEH]
TARIKH : 22 MAC 2017
SOALAN :**

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM [Seputeh] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kementerian akan menghendaki semua hospital swasta memberi bil yang menyenaraikan item yang terperinci (*itemized billing*) kepada pesakit. Apakah Kementerian akan mengadakan kawalan ke atas kos perubatan hospital swasta.

Tuan Yang di-Pertua,

Merujuk kepada peruntukan subperaturan 26 (1) dan (3), Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006 [P.U. (A) 138/2006], Kementerian telah pun melaksanakan mekanisme bagi semua hospital swasta memberi bil yang menyenaraikan item yang terperinci (*itemized billing*) kepada pesakit yang memohon.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa yang sama, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga mengawalselia fi konsultasi dan fi tatacara, selaras dengan perenggan 107(2)(hh), Akta 586 dan Perintah Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta Dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) (Pindaan) 2013 [*P.U. (A) 358*].

KKM mengawalselia fi-fi berkenaan melalui –

- (a) aktiviti pemantauan dari semasa ke semasa secara berjadual dan berdasarkan aduan orang ramai; dan
- (b) sekiranya terdapat ketidakpuasan hati oleh orang ramai, pihak hospital adalah bertanggungjawab mengendalikan aduan tersebut selaras dengan Seksyen 36, Akta 586 dan Peraturan 40, P.U. (A) 138/2006.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 22.3.2017

SOALAN :

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah bilangan guru-guru dari negeri Sabah dan Semenanjung yang telah berpindah balik ke negeri asal masing-masing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2016 seramai 323 orang guru Sabah yang diluluskan pertukaran ke Sabah manakala seramai 1,124 orang guru Semenanjung yang diluluskan berpindah ke negeri masing-masing.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tuan Gooi Hsiao- Leung [Alor Setar]

TARIKH : 22 MAC 2017 (RABU)

SOALAN : (Tuan Gooi Hsiao- Leung) minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:- tindakan yang telah diambil untuk memaksa BERNAS memenuhi jaminannya untuk melaksanakan penstrukturan semula korporat dan untuk menyenaraikan semula syarikatnya dalam BURSA Malaysia selepas dinyahsenaraikan dalam 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada ketika ini Kerajaan lebih menfokuskan kepada prestasi BERNAS dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab sosialnya seperti yang telah ditetapkan dalam Perjanjian Konsesi di antara BERNAS dengan Kerajaan Malaysia. Bagi penyenggaraan semula BERNAS, perkara tersebut akan diputuskan oleh pemegang-pemegang saham BERNAS dengan mengambil kira keadaan pasaran saham semasa.

NO. SOALAN : 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATIN MASTURA BINTI TAN SRI
DATO' MOHD YAZID [KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 22 MAC 2017

SOALAN :

YB. Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan inisiatif-inisiatif dan geran-geran yang boleh diberikan kepada pengusaha-pengusaha kraf seperti pembuat labu sayong dan pengusaha tekat.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Seramai 245 orang usahawan kraf bergiat aktif dalam perusahaan kraf di negeri Perak pada tahun 2016. Daripada jumlah tersebut, seramai 115 orang (47%) merupakan usahawan di sekitar daerah Kuala Kangsar di mana seramai 60 orang adalah usahawan kraf Hasil Tanah (labu sayong), 33 orang usahawan Hasil Logam (besi senjata iaitu parang, golok dan sarung hulu) dan 22 orang usahawan Tekstil (tekatan). Produk kraf yang dihasilkan ini menjadi produk pelancongan yang bersifat autentik dan mempunyai nilai estetika yang tersendiri.

Antara inisiatif yang dilaksanakan untuk memajukan dan membangunkan industri kraf adalah menerusi pelaksanaan Program Satu Daerah Satu Industri – Produk Kraf yang bertujuan membangunkan usahawan yang berpotensi dan berdaya saing di pasaran domestik dan antarabangsa. Program ini disokong oleh 3 aktiviti utama iaitu Orientasi Pengeluaran (Makmal Pengeluaran Produk dan Uji Lari Pengeluaran), Bimbingan Keusahawanan (Latihan Jangka Pendek dan Kursus Keusahawanan) serta Insentif Pengeluaran (bantuan bekalan bahan mentah seperti rotan, tembaga, kain putih, benang dan sebagainya) dan Insentif Perniagaan (pembungkusan, logistik dan bahan kempen).

Pada tahun 2016, sebanyak 16 projek pembangunan usahawan telah dilaksanakan di seluruh negeri Perak. Usahawan kraf di sekitar

Kuala Kangsar juga telah diberi bantuan dan insentif pengeluaran iaitu menaik taraf bengkel, pemerkasaan kemahiran usahawan dan pembangunan produk seramik (labu sayong) serta tekatan.

Projek Kraf Kampungku di Kg. Kepala Bendang, Sayong, Kuala Kangsar dilaksanakan sebagai satu inisiatif bagi membangunkan ekonomi setempat dan meningkatkan taraf hidup usahawan kraf menerusi penghasilan produk kraf seramik yang lebih kreatif serta dinamik. Ia juga menjadi projek perintis kepada pertumbuhan industri kraf tempatan dengan penglibatan seramai 61 orang usahawan kraf seramik serta kerjasama rakan strategik daripada 34 agensi kerajaan dan swasta.

Melalui pelaksanaan projek tersebut, kapasiti pengeluaran produk kraf seramik dan pendapatan usahawan dapat ditingkatkan sebanyak 10% hingga 20% setahun daripada nilai jualan sedia ada sebanyak RM1.1 juta. Selain itu, peluang pekerjaan baru di kalangan penduduk di sekitarnya juga dapat diwujudkan dengan terlaksananya projek tersebut. Sehingga kini, tenaga kerja yang terlibat di dalam pembuatan produk kraf seramik ini adalah seramai 69 orang dan lebih ramai lagi tenaga kerja akan diambil serta dilatih untuk menghasilkan produk kraf seramik ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 22 MAC 2017
[RABU]**

**DARIPADA : YB. PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

SOALAN :-

YB. Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan semua kawasan projek rumah kos rendah, sederhana rendah dan mampu milik yang telah siap dibina di Pulau Pinang dan senaraikan semua projek perumahan yang dalam pembinaan serta status projek perumahan PERDA di Pulau Pinang.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tanggungjawab untuk menyediakan Rumah Mampu Milik (RMM) adalah merupakan tanggungjawab bersama Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. Sehingga 20 Februari 2017, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melaksanakan 4 Projek Perumahan Rakyat (PPR) dengan jumlah sebanyak 999 unit di Negeri Pulau Pinang. Perincian keempat-empat projek tersebut adalah seperti yang berikut:

BIL	NAMA PROJEK	UNIT	PARLIMEN
PROJEK SIAP			
1	PPR Lorong Selamat, Georgetown (Taman Manggis)	316	Tanjung
2	PPR Jalan Thamby, Butterworth	382	Bagan
DALAM PEMBINAAN			
3	PPR Kg. Tok Suboh, Seberang Perai Tengah	231	Batu Kawan
4	PPR Mak Mandin, Butterworth	70	Bagan
JUMLAH KESELURUHAN		999	

Manakala data dari Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) mengenai Status Pelaksanaan 1 Juta RMM bagi Negeri Pulau Pinang sehingga 31 Disember 2016 oleh pelbagai agensi adalah seperti berikut :-

AGENSI	UNIT SASARAN	UNIT SIAP	% SIAP
PR1MA	19,966	0	0.0
Pemaju Swasta	10,005	9,592	95.9
PPA1M	13,112	0	0.0
SPP	1	1	100
RMR1M	422	146	34.6
RIR	917	0	0.0
KKLW	78	49	62.8
PERDA	10,040	1,865	18.6
BPPBPP	8,350	1,624	19.4
JAWHAR	229	0	0.0
JUMLAH	63,120	13,277	21.03

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2017

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI
[TENOM - BN]**

TARIKH : 22 MAC 2017 (RABU)

SOALAN NO. 37

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan status persiapan Sukan SEA 2017 dan berapa sasaran emas pada kontijen negara dalam temasya dwi-tahunan rantau ASEAN ini.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah pun melaksanakan berbagai langkah dalam usaha kita menjadikan pengelolaan Sukan Sea 2017 atau dikenali sebagai Kuala Lumpur 2017 antara yang terbaik pernah dikelolakan. Kuala Lumpur 2017 melibatkan 2 temasya utama iaitu Sukan SEA ke-29 yang akan berlangsung pada 19 hingga 31 Ogos 2017 manakala Sukan Para ASEAN ke-9 pula akan berlangsung pada 17 hingga 23 September 2017.
2. Sebuah Jawatankuasa Pengelola telah ditubuhkan yang dipengerusikan sendiri oleh YB Menteri Belia dan Sukan dengan keanggotaan 16 jawatankuasa kecil yang bertanggungjawab kepada aspek-aspek penganjuran yang penting seperti makan, penginapan, pengangkutan, sukan dan teknikal, perubatan dan anti doping dan lain-lain lagi. Sebanyak 38 sukan melibatkan 405 acara yang akan dipertandingkan di mana sukan pelayaran akan dipertandingkan di Langkawi dan acara kuda lasak akan dipertandingkan di Lembah Bidong, Setiu, Terengganu. Sukan dan acara yang lain akan dipertandingkan di sekitar Lembah Klang.
3. Semua jawatankuasa kecil termasuk Jawatankuasa Pengelola Tempatan (LOC) Langkawi dan Terengganu telah pun melaksanakan tindakan di bawah jawatankuasa masing-masing seperti yang dirancangkan. Sekretariat Kuala Lumpur 2017 (MASOC) yang

SULIT

diketuai oleh Yang Berbahagia Dato' Seri Zolkples Embong (mantan Ketua Pengarah, Majlis Sukan Negara) dengan pegawai dan anggota sepenuh masa yang mula beroperasi pada Januari 2015 bertanggungjawab memastikan semua aspek penganjuran diberikan sepenuh tumpuan.

4. Jawatankuasa Sukan dan Teknikal yang dipengerusikan oleh Yang Amat Mulia Tunku Tan Sri Imran ibni al-Marhum Tuanku Ja'afar al-Haj, Presiden Majlis Olimpik Malaysia telah mengadakan mesyuarat dan perbincangan dengan semua 38 persatuan sukan yang terlibat di dalam memastikan segala aspek yang berkaitan seperti penyediaan buku panduan teknikal, pegawai pertandingan, jadual, serta peralatan pertandingan dilaksanakan mengikut keperluan.
5. Selain daripada itu, KBS yang telah bertanggungjawab kepada penyediaan kemudahan dan venue telah membuat segala persiapan untuk memastikan semua venue pertandingan disempurnakan dalam usaha untuk menjadikan pertandingan bagi temasya ini berjalan dengan baik dan teratur.
6. Dari segi **persediaan atlet**, KBS melalui Majlis Sukan Negara (MSN) telah pun melaksanakan **Program KITA JUARA** bermula pada bulan September 2015 lalu iaitu program persediaan atlet ke arah temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017. Program KITA JUARA ini dilaksanakan melalui kaedah "**empowerment**" kepada **Persatuan Sukan Kebangsaan** serta mewujudkan sebuah Jawatankuasa Kerja MSN-PSK bagi setiap jenis sukan sebagai kaedah pemantauan program. Program ini juga akan melalui 3 fasa latihan iaitu **Fasa**

SULIT

Pertama bermula September 2015 sehingga September 2016, **Fasa Kedua** bermula dari Oktober 2016 sehingga Mac 2017 dan **Fasa Ketiga** akan bermula dari April sehingga Ogos 2017. Sehingga kini, Program KITA JUARA mempunyai seramai **874 atlet dan 133 jurulatih** dari 38 jenis sukan.

7. Dalam usaha untuk dinobatkan sebagai juara keseluruhan temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017, kontinjen negara perlu memenangi sekurang-kurangnya 100 pingat emas dari 405 pingat emas yang akan dipertandingkan untuk mengatasi pungutan pingat emas dikalangan negara-negara terkuat Asia Tenggara seperti Thailand, Vietnam, Indonesia dan Singapura.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 38

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN

TARIKH : 22 MAC 2017

RUJUKAN : 9660

SOALAN:

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah laporan sindiket penjualan bayi oleh 101 East Al-Jazeera benar. Apakah hasil siasatan dan tindakan polis susulan siaran Al-Jazeera.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan berkait Jalan Tun Razak Repot 8990/16 mengenai dokumentari oleh 101 East-Al Jazeera bertajuk “*Malaysia: Babies for Sale*” yang dipaparkan di media sosial pada 25 November 2016. Dokumentari berdurasi selama 25 minit dan 50 saat tersebut adalah mengenai sindiket penjualan bayi di Malaysia melibatkan pengedar, doktor serta pegawai Kerajaan. Kes berkenaan diklasifikasikan di bawah Seksyen 14 *Anti Trafficking In Person and Anti Smuggling of Migrants Act 2007 (ATIPSOM)* dan Seksyen 18 Akta Kanak-Kanak 2001.

PDRM bersama Bahagian Amalan Kesihatan, Kementerian Kesihatan telah menyerbu dan memeriksa 3 buah klinik iaitu 2 buah klinik swasta di Klang dan sebuah klinik swasta di Puchong, serta 4 buah rumah di Seremban dan Selangor pada 30 November 2016.

Dalam semua serbuan yang dijalankan, seramai 6 orang telah ditangkap iaitu seorang lelaki Melayu, seorang lelaki India, seorang wanita dari Sabah dan 2 orang wanita India yang dipercayai terlibat dalam aktiviti pemerdagangan bayi. Turut dirampas dalam serbuan tersebut ialah spesimen dan dokumen berkaitan dengan aktiviti berkenaan.

PDRM telah menangkap seorang lelaki dan seorang wanita warga Indonesia pada 3 Disember 2016 untuk membantu siasatan. Jumlah keseluruhan tangkapan adalah seramai 8 orang.

Hasil soal siasat yang dijalankan mendapati bahawa aktiviti penjualan bayi ini bermula sejak tahun 2012 hingga September 2016. Harga yang dikenakan terhadap individu yang berminat adalah sekitar RM3,500 hingga RM6,700.

Seramai 7 orang yang disyaki telah dibebaskan dengan jaminan polis, sementara seorang suspek telah dituduh di bawah Seksyen 15 (1) (c) Akta Imigresen dan dikenakan hukuman 7 bulan penjara. PDRM masih meneruskan siasatan dan akan merujuk kertas siasatan kepada Timbalan Pendakwaraya untuk arahan lanjut.

SOALAN NO: 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
(SIBUTI)**

TARIKH : 22 MAC 2017 (RABU)

SOALAN :

TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG (SIBUTI) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mewujudkan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di daerah Subis dalam (Parlimen Sibuti)

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM,
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Fenomena penuaaan penduduk akan menjadi satu cabaran di masa hadapan di mana mengikut unjuran penduduk Malaysia akan mengalami status 'Negara Tua' pada tahun 2030 apabila penduduk yang berumur 60 tahun ke atas mencecah 15 peratus.

Kerajaan mengambil berat berkaitan penyediaan infrastruktur dan kemudahan kepada warga emas di mana ia turut terkandung dalam Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMK-11) di bawah Strategi B5: Menambahbaik Persekitaran Warga Emas di mana usaha bersepadu akan diambil untuk meningkatkan kualiti hidup warga emas dengan menyediakan infrastruktur mesra warga emas dan menambah baik khidmat penjagaan.

Melalui bajet 2017 yang telah diumumkan oleh Y.A.B Perdana Menteri, sebanyak 8 buah PAWE baharu akan ditubuhkan pada

tahun ini dan dengan penambahan PAWE baharu ini telah menjadikan sebanyak 59 PAWE diwujudkan.

Menjadi hasrat Kementerian untuk memperluaskan lagi PAWE ke seluruh kawasan Parlimen di Malaysia. Walau bagaimanapun penubuhan PAWE baharu adalah tertakluk kepada peruntukan daripada Kementerian Kewangan Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. LEE BOON CHYE
[GOPENG]**

TARIKH : 22 MAC 2017

SOALAN :

YB Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah warga negara yang layak tetapi tidak mendaftar sebagai pengundi mengikut negeri.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah warganegara Malaysia yang berumur 21 tahun dan ke atas yang layak mendaftar tetapi belum mendaftar sebagai pemilih sehingga Daftar Pemilih Suku Tahun Ketiga Tahun 2016 adalah seramai 4,060,339 orang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : RABU, 22 MAC 2017

RUJUKAN : L7 [PR-1351-L00118]

SOALAN :

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan jumlah lot tanah milik DBKL yang dijual setiap tahun dari tahun 2011 hingga 31 Disember 2016 dengan menyatakan jumlah keluasan kesemua tanah yang dijual.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Cheras, di sepanjang tahun 2011 hingga Disember 2016 sebanyak 39 lot tanah yang telah dijual dengan keluasan keseluruhan 200.25 ekar.

BIL.	TAHUN	JUMLAH LOT	KELUASAN (EKAR)
1.	2011	4	17.76
2.	2012	5	21.34
3.	2013	11	77.1
4.	2014	10	27.38
5.	2015	9	56.67
6.	2016	-	-
JUMLAH KESELURUHAN		39	200.25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]**

TARIKH : 22.03.2017

SOALAN : 42

Dato' Dr. Noraini Binti Ahmad [Parit Sulong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah gejala rasuah di Negara terkawal secara menyeluruh berdasarkan statistic tangkapan oleh SPRM kian meningkat sejak tahun 2013 serta kedudukan ke-55 dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) berbanding kedudukan ke-50 pada tahun 2015 dan apakah usaha yang telah dilakukan oleh kerjasama pelbagai pihak dalam menangani rasuah di negara.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Peningkatan statistik tangkapan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menunjukkan peningkatan tindakan yang dijalankan oleh SPRM di bawah aktiviti penguatkuasaan Akta SPRM 2009.

Sebaliknya, indeks CPI merupakan pengukuran persepsi rasuah yang tidak menggambarkan tahap sebenar rasuah di negara-negara yang dikaji, termasuk Malaysia. Penurunan kedudukan Negara dalam indeks CPI bukanlah gambaran tepat situasi dan tahap rasuah di Malaysia. Bagaimanapun, gejala rasuah adalah terkawal walaupun terdapat peningkatan di dalam tangkapan yang dilakukan oleh SPRM dewasa ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang menetapkan agenda memerangi rasuah sebagai Bidang Keberhasilan Utama Nasional (GTP) ketiga, pelbagai usaha pencegahan rasuah telah dilaksanakan oleh pelbagai pihak yang turut merangkumi inisiatif-inisiatif berikut:

1. Penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menggantikan Badan Pencegahan Rasuah (BPR) pada tahun 2009 yang bertujuan untuk meningkatkan kecekapan, keberkesanan, kebebasan dan ketelusan tindakan pencegahan rasuah di Malaysia
2. Penubuhan 14 buah Mahkamah Sesyen Khas Jenayah Rasuah diseluruh negara yang berperanan memberi keutamaan kepada penyelesaian kes-kes rasuah. Mewujudkan Pangkalan Data Pesalah Rasuah yang boleh diakses oleh orang awam di web sesawang SPRM selama 3 tahun bagi tujuan memberi pengajaran dan kesedaran kepada pesalah rasuah dan peringatan kepada mereka lain.
3. Penguatkuasaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 yang memberi perlindungan kepada pemberi maklumat daripada

tindakan yang memudaratkan akibat membuat aduan/menyalurkan maklumat mengenai kelakuan tidak wajar pegawai badan awam di agensi-agensi penguatkuasaan.

4. Penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam di bawah arahan Pekeliling Perkhidmatan Awam Bil.6 Tahun 2013 bagi menyatupadukan inisiatif-inisiatif penginstitutionan integriti berdasarkan enam fungsi teras iaitu tadbir urus, pengukuhan integriti, pengesanan dan pengesahan, pengurusan aduan, pematuhan dan tatatertib.
5. Memasukkan elemen pembelajaran anti-rasuah ke dalam buku teks sekolah.
6. Mekanisme Corruption Risk Management (CRM) bagi membantu organisasi mengenalpasti risiko-risiko rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta seterusnya menghasilkan pelan penurunan risiko rasuah yang sistematik, sehingga mewujudkan tadbir urus terbaik yang boleh menutup ruang dan peluang rasuah, salah guna kuasa serta penyelewengan.
7. Integrity Assessment Tool (IAT) bagi menilai tahap integriti dengan mengenal pasti jurang dan halangan yang dihadapi oleh organisasi bagi mencapai standard etika yang tinggi.
8. Malaysian Integrity Profile (MIP) yang menilai secara psikometrik samada pemohon atau pekerja sedia ada boleh dipercayai untuk bertindak dengan berintegriti demi kepentingan organisasi.
9. Modul Integriti Agensi Penguatkuasaan yang sesuai diguna pakai oleh semua agensi penguatkuasaan termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Tuan Yang Di-Pertua,

Berikut adalah inisiatif pencegahan rasuah terbaru yang dilaksanakan oleh SPRM:

1. Ikrar Bebas Rasuah (IBR) secara sukarela atas kapasiti individu para pemimpin dan warga organisasi, untuk memastikan setiap individu yang menandatangani ikrar tersebut akan lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas mereka dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah selama mereka memegang jawatan tersebut.
2. Rangkaian Kerjasama Strategik di antara SPRM, Bank Negara Malaysia (BNM) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN), dalam usaha menyeluruh untuk membendung dan memperkukuhkan tindakan penguatkuasaan undang-undang terhadap jenayah rasuah, penyalahgunaan kuasa dan pengelakkan sistem percukaian negara. Melalui Kerjasama Strategik ini, mana-mana individu yang terlibat dengan jenayah rasuah dan salah guna kuasa bukan sahaja akan diambil tindakan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613), tetapi juga akan turut diambil tindakan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53],

Sekian, terima kasih.

SOALAN (43)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22 MAC 2017.
[RABU]

DARIPADA : YB.IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
[KANGAR]

SOALAN :-

YB. Ir. Shaharuddin Bin Ismail [Kangar] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan setakat manakah komitmen Kementerian bagi mengekalkan pemasangan kamera litar tertutup atau CCTV di bawah program Bandar Selamat untuk mengurangkan kadar kes jenayah di kawasan tertentu dan sejak 2013 sehingga sekarang, berapakah jumlah CCTV dipasang bagi PBT di Perlis.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui inisiatif *National Key Result Area (NKRA) Mengurangkan Jenayah* di bawah Program Bandar Selamat telah melaksanakan Projek Pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) Fasa 1 dan Fasa 2 dengan bilangan sebanyak 992 CCTV di 45 PBT di seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 496 CCTV Fasa 1 tidak beroperasi buat masa ini kerana kontrak perkhidmatan telah berakhir pada 31 Mac 2016. KPKT baru-baru ini telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk menyambung semula kontrak CCTV Fasa 1 tersebut dan dijangka akan dapat beroperasi bermula pada bulan September 2017.

Manakala bagi program CCTV Fasa 2 yang melibatkan 496 CCTV di 25 kawasan PBT, ianya telah bermula pada 28 November 2013 hingga 27 November 2019.

Projek pemasangan CCTV ini dilaksanakan di kawasan *hot spot* jenayah yang telah dikenalpasti oleh PDRM yang mempunyai bilangan jenayah yang lebih tinggi di seluruh Negara bagi mengurangkan jenayah jalanan. Namun begitu, kawasan *hot spot* jenayah serta lokasi pemasangan CCTV ini yang dikenalpasti oleh pihak PDRM tidak termasuk kawasan PBT di negeri Perlis.

Kebelakangan ini beberapa PBT telah memohon bantuan peruntukan daripada KPKT untuk menyelenggara CCTV yang asalnya telah dipasang dan dibiayai sendiri oleh PBT berkenaan. Maka bermula tahun 2018, KPKT bercadang untuk memohon peruntukan bagi membantu PBT-PBT menyelenggara CCTV sesuai dengan peranannya yang bukan sahaja untuk membantu PBT dalam memantau perkhidmatan perbandaran tetapi juga membantu dalam mencegah jenayah. Walau bagaimanapun, peruntukan tersebut adalah tertakluk kepada kelulusan oleh Kementerian Kewangan.

Pemasangan CCTV bukanlah satu-satunya cara untuk membendung jenayah sebaliknya PBT digalakkan bekerjasama dengan pihak PDRM dalam menentukan langkah-langkah yang sesuai untuk mencegah jenayah seperti rondaan penduduk, meningkatkan tahap pencahayaan bandar, membina penghalang (*barrier*) antara laluan kenderaan bermotor dan pejalan kaki, pemasangan cermin di lokasi *blind spot* (*safety mirror*) dan sebagainya.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2017

NO. SOALAN: 44

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN N SURENDRAN A/L K NAGARAJAN

TARIKH : 22 MAC 2016

RUJUKAN : 9801

SOALAN:

Tuan N Surendran A/L K Nagarajan [Padang Serai] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memperbaiki taraf khidmat kesihatan bagi banduan-banduan yang dipenjarakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aspek penjagaan kesihatan penghuni penjara menjadi keutamaan dan sentiasa diambil berat sepanjang tempoh penghuni menjalani hukuman dan penahanan. Jabatan Penjara sentiasa meneruskan usaha untuk meningkatkan perkhidmatan kesihatan yang diberikan kepada penghuni.

Tugas dan tanggungjawab Pegawai Perubatan dan Paramedik di Jabatan Penjara juga dititikberatkan selaras dengan akta, undang-undang dan pekeliling yang berkuatkuasa. Setiap klinik penjara perlu menyediakan perkhidmatan rawatan kesihatan yang sistematik, menyeluruh dan berkualiti bagi mewujudkan persekitaran yang selamat daripada risiko kesihatan merangkumi langkah-langkah rawatan dan pencegahan supaya komplikasi kehilangan nyawa, kecederaan dan kecacatan kekal dapat dielakkan.

Antara langkah-langkah lain yang diambil untuk meningkatkan kemudahan kesihatan di penjara adalah seperti berikut:

- (i) penambahan 234 perjawatan perubatan yang terdiri daripada pegawai perubatan, pegawai perubatan (pergigian), penolong pegawai perubatan, penolong pegawai farmasi dan pegawai psikologi telah diluluskan untuk Jabatan Penjara;**

- (ii) mewajibkan pemeriksaan kesihatan termasuk ujian *BDI* (*Beck Depression Inventory*) semasa banduan masuk ke penjara dari semasa ke semasa mengikut keperluan;**
- (iii) menyediakan Perintah Tetap Ketua Pengarah Penjara bagi mempercepatkan tindakan penghantaran banduan yang sakit untuk menerima rawatan di klinik penjara mahupun hospital di luar penjara;**
- (iv) menyediakan kemudahan kenderaan dan kakitangan *standby* 24 jam bagi tujuan melaksanakan pengirangan segera banduan yang sakit ke hospital luar untuk rawatan lanjut;**
- (v) menyediakan kemudahan *sick bay* di klinik penjara untuk menempatkan banduan yang tidak sihat bagi tujuan rawatan lanjut dan pemerhatian;**
- (vi) penempatan berasingan untuk banduan yang mempunyai penyakit berjangkit;**
- (vii) bekerjasama dengan pihak universiti dan SUHAKAM bagi tujuan kajian mempertingkatkan kemudahan kesihatan di penjara;**

- (viii) merancang pembinaan penjara perubatan mengikut zon bagi tujuan menempatkan penghuni yang memerlukan rawatan berterusan; dan**

- (ix) menambah baik fizikal sel dan dormitori penempatan penghuni bagi memudahkan kawalan dan pemantauan oleh kakitangan bertugas.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN HAJI AMAT
WASALI @ AHMAD [SIPITANG]**

TARIKH : 22 MAC 2017 (RABU)

SOALAN : 45

Datuk Sapawi Bin Haji Amat Wasali @ Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA** menyatakan kedudukan Malaysia daripada segi kadar penembusan jalur lebar pada masa ini, dan adakah ia menepati sasaran bagi Malaysia mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kadar penembusan jalur lebar di Malaysia pada masa kini adalah 77.9% dan disasarkan mencapai 95% menjelang tahun 2020. Menurut laporan Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU), berdasarkan Indeks Pembangunan ICT 2016, Malaysia berada di dalam kedudukan kedua terbaik di rantau ASEAN selepas Singapura diikuti oleh negara Brunei, Thailand, Vietnam, Filipina, Indonesia, Kemboja, Myanmar dan Laos.

SOALAN NO : 45

Di peringkat rantau Asia Pasifik pula, Malaysia kini berada dalam kedudukan nombor lapan (8) daripada 34 buah negara selepas Korea Selatan, Hong Kong, Jepun, New Zealand, Australia, Singapura dan Macau, China.

Manakala, berdasarkan Indeks Global, Malaysia didapati berada dalam kedudukan ke-61 daripada 175 buah negara anggota ITU dengan indeks skor sebanyak 6.22 yang dicatatkan pada tahun 2016. Ini menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dari tahun sebelumnya di mana Malaysia berada dalam kedudukan 66 dengan indeks skor sebanyak 5.64.

Negara yang mencatatkan skor indeks global tertinggi ialah Korea Selatan iaitu 8.84 dan yang terendah ialah negara Nigeria iaitu sebanyak 1.07. Indeks skor ini diukur berdasarkan tiga (3) kriteria utama iaitu akses ICT, penggunaan ICT dan kemahiran ICT.

Berdasarkan indeks skor, Malaysia merupakan antara negara yang menunjukkan peningkatan setiap tahun dan ini dipercayai akan menyumbang kepada sasaran negara untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

SOALAN NO. : 46

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU
LANGAT]**

TARIKH : 22 MAC 2017 (RABU)

NO. RUJUKAN :

SOALAN:

Dr. Che Rosli Bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah usaha-usaha yang di buat hingga membolehkan Sungai Kerayong yang hampir selari dengan Lebuhraya Baru Pantai (E10) mempunyai air yang jernih dan hijau yang boleh dicontohi berbanding banyak lagi sungai-sungai sekitar Bandaraya Kuala Lumpur.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah mengambil inisiatif dalam usaha meningkatkan kualiti air Sungai Kerayong daripada kelas III- IV kepada kelas IIB di bawah pelaksanaan Projek Pembersihan Sungai dan Pengindahan Sungai (*River of Life*) bagi sungai-sungai utama di Bandaraya Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK UGAK ANAK KUMBONG

TARIKH : 22.3.2017

SOALAN : NO. 47

Datuk Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan :-

- (a) berapa jumlah anak Sarawak yang telah dipilih untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) pada tahun 2014, 2015 dan 2016; dan
- (b) apakah kelayakan yang diperlukan untuk memasuki universiti ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Statistik Pendidikan Tinggi Negara, bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, terdapat seramai 131 orang pelajar kelahiran Negeri Sarawak daripada 4,640 orang pelajar keseluruhan yang mendaftar di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).
- (b) Pengambilan dan kemasukan pelajar baharu ke Universiti Awam (UA) adalah mengguna pakai prinsip meritokrasi iaitu 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah ko-kurikulum. Semua pemohon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum dan latar belakang tidak dinafikan peluang untuk mengikuti

pengajian di UA. Selain itu, pemohon juga mestilah memenuhi Syarat Am Universiti, Syarat Khas Program Pengajian serta kriteria kemasukan yang telah ditetapkan oleh Senat Universiti tertakluk kepada bilangan tempat yang mampu disediakan oleh universiti.

SOALAN NO. : 048

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN JAWAB LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA
MAHKOTA]**

TARIKH : 22 MAC 2017 (RABU)

NO. RUJUKAN :

SOALAN:

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mewujudkan semula jawatan Ketua Merinyu Galian di peringkat pusat dan peringkat negeri dan menggunakan akta-akta berkaitan perlombongan. Ini memandangkan bahawa kegiatan perlombongan negara dalam keadaan kucar-kacir dan seolah-olah tiada peraturan

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pelantikan Ketua Merinyu Galian adalah di bawah Enakmen Melombong Negeri-Negeri yang mana perundangan ini telah digantikan dengan Akta Pembangunan Mineral 1994 (APM) dan Enakmen Mineral Negeri (EMN) selaras pembahagian bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan Negeri menurut Perlembagaan Persekutuan. APM adalah satu perundangan persekutuan bagi mengawal selia aktiviti perlombongan agar ianya dilaksanakan mengikut amalan kejuruteraan sebenar dengan mengambilkira kepentingan dan pemeliharaan alam sekitar, sementara EMN adalah perundangan negeri bagi mentadbir pengeluaran tenemen mineral dan hasil-hasil yang berkaitan dengannya.

Jawatan Ketua Merinyu Galian telah dimansuhkan, tetapi tugas dan tanggungjawabnya telah dilaksanakan oleh Ketua Pengarah Galian, Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) di bawah APM. Tugas utama Ketua Pengarah Galian antara lainnya adalah menjalankan pengawasan dan kawalan ke atas aspek keselamatan berhubung dengan lombong dan bagi pemfosikan, pendulangan, penjelajahan, perlombongan, pemilikan, pergerakan, penyimpanan dan pemprosesan mineral dan bijih mineral.

Justeru itu, dengan adanya tadbir urus yang lebih sistematik termasuk undang-undang yang jelas, maka adalah tidak benar untuk mengatakan kegiatan perlombongan Negara berada dalam keadaan kucar-kacir dan seolah-olah tiada peraturan.

SOALAN NO. : 048

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN JAWAB LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA
MAHKOTA]**

TARIKH : 22 MAC 2017 (RABU)

NO. RUJUKAN :

SOALAN:

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menwujudkan semula jawatan Ketua Merinyu Galian di peringkat pusat dan peringkat negeri dan menggunakan pakai akta-akta berkaitan perlombongan. Ini memandangkan bahawa kegiatan perlombongan negara dalam keadaan kucar-kacir dan seolah-olah tiada peraturan

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pelantikan Ketua Merinyu Galian adalah di bawah Enakmen Melombong Negeri-Negeri yang mana perundangan ini telah digantikan dengan Akta Pembangunan Mineral 1994 (APM) dan Enakmen Mineral Negeri (EMN) selaras pembahagian bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan Negeri menurut Perlembagaan Persekutuan. APM adalah satu perundangan persekutuan bagi mengawal selia aktiviti perlombongan agar ianya dilaksanakan mengikut amalan kejuruteraan sebenar dengan mengambilkira kepentingan dan pemeliharaan alam sekitar, sementara EMN adalah perundangan negeri bagi mentadbir pengeluaran tenemen mineral dan hasil-hasil yang berkaitan dengannya.

Jawatan Ketua Merinyu Galian telah dimansuhkan, tetapi tugas dan tanggungjawabnya telah dilaksanakan oleh Ketua Pengarah Galian, Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) di bawah APM. Tugas utama Ketua Pengarah Galian antara lainya adalah menjalankan pengawasan dan kawalan ke atas aspek keselamatan berhubungan dengan lombong dan bagi pemfosikan, pendulangan, penjelajahan, perlombongan, pemilikan, pergerakan, penyimpanan dan pemprosesan mineral dan bijih mineral.

Justeru itu, dengan adanya tadbir urus yang lebih sistematik termasuk undang-undang yang jelas, maka adalah tidak benar untuk mengatakan kegiatan perlombongan Negara berada dalam keadaan kucar-kacir dan seolah-olah tiada peraturan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN
MOHD HARUN NARRASHID
(KOTA TINGGI)**

**TARIKH : 22.03.17
(RABU)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membuat kajian semula, tempoh perkhidmatan anggota tentera wajib selama 21 tahun dan memansuhkan "option" persaraan awal.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kajian semula Terma-Terma dan Syarat-Syarat Perkhidmatan ATM telah dilaksanakan sejak tahun 2010 dan diluluskan Kerajaan berkuat kuasa 1 Januari 2013. Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Terma-Terma dan Syarat-Syarat Perkhidmatan ATM) 2013 sedia ada masih relevan dan memenuhi keperluan perkhidmatan ATM semasa.

Tempoh perkhidmatan sedia ada Anggota Lain-Lain Pangkat ATM boleh dilanjutkan secara berperingkat sehingga umur 55 tahun. Tempoh perkhidmatan secara berperingkat bertujuan agar Anggota Lain-Lain Pangkat yang hilang minat untuk meneruskan perkhidmatan dapat menamatkan perkhidmatan dengan cara baik.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN

TARIKH : 22.3.2017

SOALAN : NO. 50

Dato' Haji Mohd Zaim Bin Abu Hasan [Parit] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah punca dan penolakan permohonan Quest University International Perak (QUIP) untuk menambah pelajar sedangkan universiti ini yang turut dimiliki pegangan sahamnya oleh Kerajaan Negeri telah memenuhi semua kriteria dan keperluan Kementerian dari semasa ke semasa tanpa prejudis dan campur tangan politik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Quest University International Perak (QUIP) telah diluluskan oleh Jawatankuasa Teknikal Bersama Majlis Perubatan Malaysia bagi tambahan kuota pelajar program perubatan dari 50 orang kepada 75 orang pada tahun 2015. Manakala permohonan kedua oleh QUIP bagi penambahan kuota pelajar program perubatan sebanyak 100 orang adalah tertakluk kepada Moratorium Penawaran Program Perubatan Baharu Institusi Pendidikan Tinggi dari tempoh 1 Mei 2016 hingga 30 April 2021. Melalui moratorium ini tiada program perubatan yang baharu di peringkat ijazah sarjana muda dan tiada penambahan kuota pengambilan pelajar program perubatan di peringkat ijazah sarjana muda.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kawal selia kualiti program perubatan dipantau oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Majlis Perubatan Malaysia (MMC), Persatuan Perubatan Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia bertujuan untuk mengekalkan kualiti graduan. Pengambilan pelajar bagi program perubatan oleh sesebuah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta termasuklah QUIP adalah berdasarkan keperluan guna tenaga negara dan keupayaan sesebuah institusi untuk mengendalikan sesebuah program.

NO. SOALAN: 51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL
HAMID**

TARIKH : 22 MAC 2017

RUJUKAN : 9802

SOALAN:

**Dato' Abdullah Sani Bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah pekerja asing
sehingga 31 December 2016.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih sah dan aktif sehingga 31 Disember 2016 adalah seramai 1,866,369 orang. Jumlah ini mewakili pekerja asing yang digaji secara sah dan dikeluarkan PLKS oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

Pecahan mengikut sektor sehingga 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

BIL.	SEKTOR	JUMLAH (ORANG)
1.	Perkilangan	648,621
2.	Pembinaan	387,934
3.	Perladangan	268,478
4.	Pertanian	173,641
5.	Perkhidmatan	253,120
6	Pembantu Rumah Asing	134,575
JUMLAH		1,866,369

SOALAN (52)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 22 MAC 2017
[RABU]**

**DARIPADA : YB. DATO' AHMAD FAUZI BIN HJ ZAHARI
[SETIAWANGSA]**

SOALAN :-

YB. Dato' Ahmad Fauzi Bin Hj Zahari [Setiawangsa] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah keberkesanan daripada program pengasingan sisa pepejal yang telah dilaksanakan sejak 1 Jun 2016 dan berapakah jumlah kompaun yang telah dikenakan bagi mereka yang ingkar arahan tersebut.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan penguatkuasaan Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca telah bermula pada 1 Jun 2016 secara serentak di 7 buah negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Kedah dan Perlis dengan melibatkan 53 buah kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Bilangan premis yang terlibat adalah sebanyak 2,189,288 premis yang mana 1,651,906 merupakan premis bertanah dan 537,382 premis bertingkat.

Program pengasingan sisa pepejal di punca ini merupakan satu inisiatif Kerajaan untuk menggalakkan amalan kitar semula di kalangan masyarakat selain daripada program kitar semula di peringkat pra-sekolah dan tadika, sekolah rendah dan menengah, Institusi Pengajian Tinggi, sektor Kerajaan, sektor swasta dan komuniti masyarakat.

Setakat ini sebanyak 1,546 tan sisa kitar semula telah dikumpul melalui kutipan berjadual yang telah ditetapkan dari rumah ke rumah bermula dari 1 Jun 2016 hingga 31 Januari 2017. Secara keseluruhan kadar kitar semula negara telah meningkat melebihi 2% setiap tahun.

Dalam konteks penguatkuasaan undang-undang, kompaun merupakan langkah terakhir dan hanya akan diambil sekiranya masyarakat masih ingkar untuk melakukan Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca. Sekiranya kompaun gagal dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan, maka pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan membawa kes ini ke Mahkamah Sesyen dan jika didapati bersalah boleh didenda sebanyak RM1,000.00 (maksimum).

Berdasarkan penguatkuasaan yang dibuat bermula dari 1 Jun 2016 sehingga 31 Januari 2017, sebanyak 42 kompaun telah dikeluarkan kepada penduduk yang gagal membuat pengasingan sisa pepejal mengikut kategori yang ditetapkan dengan jumlah RM2,100.00.

Secara umumnya, menerusi pembudayaan amalan 3R yang menyeluruh termasuk Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca akan menyumbang kepada impak berikut:

- a) Mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dihantar ke tapak pelupusan;
- b) Mengurangkan kos pengurusan sisa pepejal;
- c) Memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan;
- d) Meningkatkan kadar kitar semula negara;
- e) Menjana sumber ekonomi negara melalui industri kitar semula; dan
- f) Mentransformasikan minda masyarakat ke arah amalan hidup yang lestari dan hijau.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2017

SOALAN NO. : 53

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTA JAM]

TARIKH : 22 MAC 2017 (RABU)

NO. RUJUKAN :

SOALAN:

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan butiran peruntukan untuk projek tebatan banjir, naik taraf longkang, sungai dan lain-lain projek berkaitan mengikut pecahan kawasan Parlimen di Pulau Pinang dari 1990-2016.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi negeri Pulau Pinang, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM953 juta untuk melaksana projek-projek tebatan banjir dan saluran bandar di negeri tersebut di antara tahun 1990 hingga 2016.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM3.1 juta** telah diperuntukkan bagi melaksanakan projek di kawasan Parlimen Kepala Batas iaitu sebanyak RM2.0 juta adalah untuk projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Kepala Batas, manakala RM1.1 juta lagi bagi melaksana projek Masalah Perparitan Di Kuala Bekah Bertam, Kg. Padang Penaga dan Kg. Tg. Rambai Pinang Tunggal.

Selain itu, sebanyak **RM510 juta** telah diperuntukkan bagi melaksana projek-projek tebatan banjir dalam kawasan parlimen Tasik Gelugor iaitu sebanyak RM467 juta bagi projek Rancangan Tebatan Banjir Pulau Pinang (Sg. Perai) dan RM43 juta lagi adalah untuk projek Rancangan Tebatan Banjir Tasek Gelugor.

Sebanyak **RM439.9 juta** pula telah diluluskan bagi pelaksanaan projek-projek seperti berikut:

1. Melaksana projek Saliran Bandar, Pulau Pinang (RM40 juta);
2. Kajian/Rekabentuk dan Pelbagai RTB Pulau Pinang (RM330.5 juta);
3. Pengurusan Banjir Bukan Struktur (RM7.5 juta);

4. Program Penyediaan Pelan Induk Tebatan Banjir Lembangan Sungai (Pelbagai Negeri) (RM11.9 juta);
5. Rancangan Tebatan Banjir Bertam Kepala Batas (RM7 juta);
6. Program Penyediaan Pelan Induk dan Rekabentuk Terperinci Tebatan Banjir Lembangan Sungai (RM20.4 juta); dan
7. Penyediaan Pelan Induk dan Peta Hazard Banjir bagi Lembangan Sungai Pelbagai Negeri (RM22.6 juta) bagi parlimen Kepala Batas, Tasik Gelugor dan Balik Pulau.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
[SUNGAI BESAR]**

TARIKH : 22.3.2017

SOALAN :

Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi [Sungai Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah penekanan kepentingan bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) diletakkan melalui Kolej Vokasional (KV) dan apakah tahap penerimaan pelajar KV terhadap bidang STEM ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menggubal dan melaksanakan Dasar Sains, Teknologi Kejuruteraan dan Matematik (STEM) merangkumi semua sistem pendidikan di negara ini, termasuklah dalam bidang Latihan Pendidikan Teknik dan Vokasional (TVET). Murid Kolej Vokasional sama ada peringkat sijil atau diploma bukan sahaja diajar pendidikan yang berasaskan teknologi (kemahiran), tetapi juga pendidikan berasaskan akademik termasuk STEM. Kepentingan murid Kolej Vokasional menguasai STEM amat dititikberatkan bagi memastikan lepasan Kolej Vokasional mampu bersaing di peringkat global.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tahap penerimaan murid terhadap STEM amat memberangsangkan kerana kecemerlangan murid dalam bidang teknologi (kemahiran) sangat bergantung kepada penguasaan dalam bidang STEM. Murid Kolej Vokasional sedar tentang kepentingan penguasaan dalam STEM sebagai keperluan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

RJM67

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dato' Mansor bin Othman
[Nibong Tebal]

TARIKH : 22 Mac 2017

SOALAN : Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI berakah jumlah bilangan peserta dan nilai pinjaman yang ditawarkan kepada golongan belia di negeri Selangor dan Pulau Pinang oleh TEKUN Nasional semenjak tahun 2008 hingga 2016 mengikut jenis-jenis perniagaan yang mereka ceburi

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sejak tahun 2008 sehingga 2016, TEKUN Nasional telah mengeluarkan pembiayaan kepada 26,710 orang belia di Selangor bernilai sebanyak RM378,081,324. Manakala bagi negeri Pulau Pinang pula adalah seramai 9,709 dengan jumlah pinjaman sebanyak RM 107,589,582. Golongan belia ini rata-ratanya banyak menceburi bidang perkhidmatan iaitu seramai 20,117 orang (55.2%), peruncitan seramai 10,294 orang (29.6%), pembuatan seramai 2,505 orang (6.9%), pertanian dan industri asas tani seramai 2,324 orang (6.4%) dan pembinaan/kontraktor kecil seramai 705 orang (1.9%).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH
[SANDAKAN]
TARIKH : 22.3.2017 (RABU)

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sebab-sebab kekurangan minyak masak subsidi di pasaran. Berapakah peruntukan Kerajaan digunapakai di dalam subsidi minyak masak setiap tahun dan berapa volume minyak masak keseluruhannya daripada subsidi tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada masa ini, isu gangguan bekalan minyak masak bersubsidi telah semakin berkurangan berbanding ketika tempoh peralihan pengurusannya pada penghujung tahun 2016 yang lalu.

Walau bagaimanapun, permintaan terhadap minyak masak bersubsidi didapati meningkat secara mendadak terutama pada musim perayaan sepertimana yang berlaku semasa sambutan Tahun Baru Cina baru-baru ini. Dalam hal ini, Kementerian ini telahpun mengeluarkan arahan kepada kilang penapis dan syarikat pembungkus

minyak masak untuk memastikan bekalan minyak masak adalah mencukupi di pasaran.

Selain itu, aktiviti penguatkuasaan serta pemeriksaan mengejut turut dilaksanakan secara berkala oleh pihak penguatkuasa Kementerian ini ke kilang penapis, syarikat pembungkus serta premis pemborong dan peruncit di seluruh negara bagi memastikan tiada pihak yang mengambil kesempatan menyorok minyak masak bersubsidi.

Sekiranya didapati berlaku aktiviti menyorok minyak masak dengan tujuan menjual melebihi harga yang ditetapkan oleh Kerajaan, peniaga tersebut boleh disabitkan kesalahan di bawah peruntukan Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dan seterusnya dikenakan tindakan rampasan atau sitaan barang, penggantungan atau pembatalan lesen.

Sehingga 1 Mac 2017, sebanyak 249,512 pemeriksaan telah dijalankan ke atas kilang penapis, syarikat pembungkus, pemborong dan peruncit dan hasilnya 49 kes telah diambil dengan nilai ram RM705,630.56 telah diambil. Manakala 26 kes telah dikenakan kompaun dan 14 kes telah dihadapkan ke mahkamah atas pelbagai kesalahan termasuklah menyorok bekalan minyak masak.

SOALAN (57)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 22 MAC 2017
[RABU]**

**DARIPADA : YB DR ONG KIAN MING
[SERDANG]**

SOALAN :-

YB DR ONG KIAN MING [SERDANG] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah kos perbelanjaan Kerajaan yang diperuntukkan kepada program "Global Transformation Forum" yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada 22-23 Mac, 2017

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Transformasi Nasional (NTP) adalah satu program yang telah diperkenalkan oleh Y.A.B Perdana Menteri dengan matlamat khusus iaitu untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang berdaya saing menjelang tahun 2020. Program ini mengadaptasi metodologi “Big Fast Result” (BFR) yang bermaksud keberhasilan besar yang pantas dan serta-merta . Ia merupakan satu pendekatan yang sistematik dan berstruktur yang berasaskan diagnosis, perancangan, pelaksanaan dan maklum balas yang jelas; dilaksanakan secara bertahap bagi memastikan setiap langkah adalah telus dan mempunyai akauntabiliti. Metodologi ini, telah diterapkan dengan jayanya untuk pelaksanaan NTP, dan ia diaplikasikan bersama-sama dengan Petunjuk Prestasi Utama di kalangan Kementerian, Mesyuarat Jawatankuasa PEMANDU dan Metodologi Penyelesaian Masalah bagi merealisasikan transformasi serta menambah baik proses berkaitan tadbir urus dan pelaksanaan keseluruhannya. Ia juga adalah suatu kaedah yang digunakan bagi menilai setiap inisiatif yang dijalankan agar mempunyai matlamat yang

realistik mengikut kesesuaian faktor persekitaran yang merangkumi sosial dan ekonomi.

Untuk makluman Yang Berhormat, kaedah ini telah berjaya menarik minat negara-negara luar kerana keberkesanannya di dalam menangani isu sosial ekonomi di Malaysia. Untuk memastikan kita dapat menggunakan peluang ini untuk mewar-warkan pencapaian Malaysia dan juga memupuk hubungan di kalangan peserta negara – negara maju dan sedang membangun, Global Transformation Forum (GTF) akan dianjurkan pada 22 dan 23 Mac 2017.

Global Transformation Forum (GTF) adalah merupakan satu platform antarabangsa yang bertujuan mengumpul dan menemukan pemimpin-pemimpin kerajaan, pembuat dasar utama, ketua-ketua industri dan organisasi global serta pakar-pakar antarabangsa di dalam bidang masing-masing dan pihak berkepentingan untuk berdialog secara kolektif, berkongsi pengalaman dan pandangan dan menggalakkan perkongsian amalan terbaik peringkat global serta pemerhatian mereka mengenai bagaimana pendekatan transformasi sosio-ekonomi global yang berkesan boleh dibentuk. Matlamat GTF 2017 adalah untuk membangunkan satu keazaman transformasi untuk menangani isu-isu

sosio-ekonomi utama yang boleh memberi kesan kepada negara-negara di seluruh dunia.

Kerajaan juga yakin dengan penganjuran GTF 2017 sekaligus dapat mengetengahkan Malaysia sebagai sebuah *emerging country* yang mempunyai peluang yang besar di peringkat global yang memacu program transformasi sebagai satu titik tolak kepada pembaharuan demi mencapai cita-citanya untuk memperoleh status negara maju yang berdaya saing pada tahun 2020.

Forum antarabangsa ini telah mendapat peruntukan khas sebanyak RM15 juta daripada Kerajaan untuk menanggung kos operasi yang terdiri daripada kos perbelanjaan mengundang para penceramah antarabangsa yang disegani termasuk ketua-ketua negara, penceramah bertauliah dan individu-individu tertentu yang menggalakkan inspirasi peribadi, serta pameran transformasi yang melibatkan negara-negara seperti Tanzania, Afrika Selatan, Oman, India dan juga badan-badan korporat.

GTF juga dapat mengembangkan keyakinan negara luar terhadap perkembangan sosial ekonomi Malaysia dan minat yang ditunjukkan

oleh negara-negara membangun yang lain terhadap Malaysia, yang pasti dapat dijana atas platform ini hasil usaha perkongsian daripada para peserta dan pihak yang berkepentingan dari dalam dan luar negara. Kerajaan percaya GTF dapat mendatangkan impak besar dan positif kepada Malaysia di arena antarabangsa dari segi ekonomi mahupun sosial.

Sekian, terima kasih.

22 Mac 2017

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]**

TARIKH : 22 MAC 2017 (RABU)

SOALAN :

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Pulau Pinang perlu dirombak semula supaya skim perumahan PR1MA dapat dilaksanakan dengan mematuhi semua syarat pemerintahan negeri dengan kadar segera.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Tindakan Persekutuan Negeri merupakan badan utama di peringkat negeri yang bertanggungjawab memantau serta menilai dasar dan strategi program/projek pembangunan Persekutuan yang dilaksanakan di peringkat negeri, termasuklah pelaksanaan projek-projek di bawah skim PR1MA. Skim PR1MA adalah inisiatif Kerajaan Persekutuan untuk menyediakan rumah mampu milik kepada rakyat yang layak. Berikutan keperluan mendesak terhadap penyediaan perumahan mampu milik di Pulau Pinang terutamanya di kawasan tumpuan pembangunan, Kerajaan Persekutuan telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan PR1MA di Pulau Pinang di atas tapak yang dimiliki oleh jabatan/agensi Kerajaan Persekutuan atau membeli projek perumahan yang dibina oleh pemaju swasta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, setakat ini Anggota Perbadanan PR1MA (Lembaga Pengarah) telah meluluskan sebanyak 17,198 unit rumah untuk dibina di negeri Pulau Pinang. Kesemua projek-projek ini berada dalam pelbagai peringkat perancangan. Kerajaan Negeri Pulau Pinang seharusnya menjadi pemudahcara untuk membantu mempercepatkan semua proses kelulusan yang melibatkan projek PR1MA di Pulau Pinang. Justeru, buat masa ini tiada keperluan untuk merombak struktur Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD

KAWASAN : MUKAH

TARIKH : 22.3.2017 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 59

YB DATO' SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan dalam menitikberatkan pembangunan sektor automotif secara menyeluruh disebabkan keadaan ekonomi pada tahun 2016 telah memberi kesan terhadap pembelian kereta.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Tahun 2016 mencatatkan penurunan jualan tahunan kenderaan atau *total industry volume* (TIV) sebanyak 13% iaitu sebanyak 666,677 unit bagi tahun 2015 kepada 580,124 unit bagi tahun 2016. Bagi tahun 2017, industri automotif tempatan dijangka menghadapi situasi yang mencabar seperti tahun sebelumnya. Antara faktor kelembapan pasaran automotif Malaysia adalah disebabkan beberapa faktor termasuk kejatuhan mata wang Ringgit, ketidaktentuan ekonomi dunia serta sentimen pengguna.

Oleh yang demikian, Kerajaan dalam hal ini telah merangka beberapa strategi untuk memastikan prestasi industri automotif tempatan terus berdaya saing. Ini termasuk:

- i. terus menawarkan insentif pengurangan duti eksais kepada syarikat-syarikat pengeluar kereta yang terlibat dalam aktiviti nilai tambah dengan menggunakan komponen tempatan automotif (*localisation*) bagi mengurangkan kos pemasangan dan pengeluaran kenderaan di samping menggalakkan pertumbuhan industri komponen dan alat ganti tempatan;
- ii. mendapatkan akses pasaran bebas cukai yang lebih besar kepada produk-produk automotif tempatan, khususnya komponen dan alat ganti dalam Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) seperti Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN (ATIGA), Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dan FTA dua hala dengan negara negara seperti Jepun, India, Pakistan, Australia, Chile, New Zealand dan Turki. Dalam hal ini, syarikat-syarikat automotif tempatan digalakkan untuk merebut peluang ini untuk meneroka potensi eksport yang lebih meluas;
- iii. melaksanakan pelbagai aktiviti bina upaya melalui *Malaysia Automotive Institute* (MAI) bagi meningkatkan daya saing industri automotif tempatan. Ini termasuk 10 program bagi tujuan pembangunan modal insan dan peningkatan daya saing sektor perkilangan dan lepas jualan (*after market*). Setakat ini, lebih 450 syarikat vendor telah mengikuti program peningkatan daya saing dan 27,000 pekerja industri automotif telah dilatih;

- iv. menitikberatkan pembangunan aktiviti selepas jualan melalui Pembangunan Rangka Kerja Kemudahan Rawatan Kenderaan Lupus Berlesen (Authorized Treatment Facilities - ATF) dan juga Pelan Hala Tuju Sektor Pembuatan Semula (Remanufacturing). Kedua-dua pelan hala tuju ini telah menggariskan panduan dalam mentransformasikan aktiviti-aktiviti selepas jualan dalam usaha membangunkan industri automotif hijau yang lebih mampan pada masa hadapan; dan
- v. pembangunan industri automotif secara berterusan juga dinyatakan oleh Kerajaan dalam Dasar Automotif Nasional 2014 yang menyasarkan Malaysia untuk menjadi hab kenderaan cekap tenaga (*Energy Efficient Vehicle – EEV*) melalui pelaburan strategik dan adaptasi teknologi tinggi oleh syarikat-syarikat automotif untuk pasaran tempatan, serantau dan antarabangsa menjelang tahun 2020.

Kerajaan akan sentiasa memantau prestasi industri automotif agar ia selari dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan di dalam Dasar Automotif Nasional 2014.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
(SEPANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22.03.2017

Y.B. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN [SEPANG] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

(a) berapa banyak syarikat perjudian yang telah diberikan lesen perjudian di Sepang bermula dari tahun 2013 sehingga Februari 2016; dan

(b) senarai syarikat perjudian di (a) tersebut serta lokasi dan status operasi mereka dan berapa jumlah hasil cukai yang telah dikutip oleh Kementerian dalam tempoh tempoh tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada sebarang syarikat perjudian telah diberi lesen perjudian baharu di Sepang dari tahun

2013 hingga 2016, tetapi terdapat 8 agen syarikat perjudian daripada **Sports Toto Malaysia Sdn Bhd, Magnum Corporation Sdn Bhd dan Pan Malaysia Pools Sdn Bhd** yang telah beroperasi di Sepang sejak 20 tahun lalu dan memperbaharui lesen perjudian mereka setiap tahun.

Senarai syarikat, lokasi dan status operasi syarikat-syarikat berkenaan adalah seperti berikut:

Bil.	Syarikat	Lokasi	Status
1.	Sports Toto Malaysia Sdn Bhd	a. Jalan Besar, Tanjung Sepat b. Jalan Besar, Sungai Pelek, Sepang c. Jalan Gembira 1, Desa Gembira Sepang d. Jalan 1, Taman Dengkil, Dengkil	Aktif
2.	Magnum Corporation Sdn Bhd.	a. Taman Dengkil, Dengkil b. Jalan Besar, Sungai Pelek, Sepang, c. Kuala Langat, Tanjung Sepat	Aktif
3.	Pan Malaysia Pools Sdn Bhd	a. Jalan Besar, Sungai Pelek, Sepang	Aktif

SOALAN NO. : 61

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 22 MAC 2017 (RABU)

NO. RUJUKAN :

SOALAN:

Tuan Ahmad Baihaki Bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan bilakah projek tebatan banjir di Kelantan yang diberikan peruntukan sebanyak RM800 juta di bawah RMK-11 akan bermula.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM500 juta bagi melaksanakan projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Kelantan Fasa 1 yang merangkumi komponen Rancangan Tebatan Banjir, *Living River*, Saliran Mesra Alam dan *Water Balance*. Kontraktor bagi projek ini dijangka akan dilantik pada bulan Julai 2017.

Selain itu, projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok Fasa 1 turut diluluskan di bawah RMKe-11 dengan peruntukan sebanyak RM300 juta merangkumi komponen Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan pantai yang dijangkakan akan bermula pada bulan Julai 2017.

Sekian, terima kasih

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]**

TARIKH : 22 MAC 2017 (RABU)

NO. RUJUKAN :

SOALAN:

Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan alasan benteng banjir di Kota Bharu dibina kurang daripada 1 meter daripada yang sepatutnya sebagaimana yang dilaporkan oleh Laporan Ketua Audit Negara. Apakah implikasi kekurangan 1 meter tersebut dalam usaha menangani ancaman banjir di Kota Bharu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Rancangan Tebatan Banjir Di Lembangan Sg. Kelantan Fasa 1 telah dilaksanakan dengan objektif menyediakan infrastruktur tebatan banjir bagi mengurangkan masalah banjir akibat limpahan air Sungai Kelantan di Bandar Kota Bharu.

Projek ini yang merangkumi pembinaan *flood wall* dan *earth bund* di sepanjang 3.7km dari Istana Kota Lama sehingga Kg Tikat dengan pembinaan sebuah pintu air ini telah siap sepenuhnya pada 29 Ogos 2013. Dalam hal ini, pembinaan komponen benteng banjir di dalam projek tersebut dibina kurang daripada 1 meter yang disesuaikan dengan peruntukan yang diluluskan setelah mengambil kira rekabentuk minimum *Annual Recurrence Interval* (ARI) bagi tempoh 50 tahun.

Bagaimanapun, keperluan ketinggian 1 meter tersebut akan dikaji semula dalam melaksanakan Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Kelantan Fasa 2 dan Fasa 3.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO

TARIKH : 22 MAC 2017

RUJUKAN : 9661

PERTANYAAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan dengan merujuk kepada Chandran Muniandy yang dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Seberang Jaya pada 8 Februari 2017 setelah mengalami kecederaan teruk semasa beliau berada dalam tahanan Penjara Sungai Jawi, Pulau Pinang dan meminta Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh penjara-penjara dan apa tindakan yang akan diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab untuk kecederaan itu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Hasil siasatan Jabatan Penjara mendapati tiada perlakuan mendera atau menggunakan kekerasan atau memukul banduan Chandran Muniandy semasa subjek menjalani hukuman di Penjara Seberang Prai. Malah subjek berkenaan juga telah menyatakan pengakuan bahawa luka dialaminya adalah kerana terjatuh.

Subjek semasa pemeriksaan kesihatan pada hari kemasukannya ke Penjara Seberang Prai pada 20 Januari 2017 telah mempunyai beberapa kesan luka di bahagian badan serta subjek dalam keadaan tidak stabil. Subjek telah menerima rawatan di klinik penjara sebelum dirujuk ke Hospital Sungai Bakap dan seterusnya ke Hospital Seberang Prai.

Jabatan Penjara juga memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pelbagai pihak untuk menjalankan siasatan berhubung dakwaan kononnya banduan Chandran Muniandy telah dipukul. Pihak-pihak yang terlibat menjalankan siasatan ialah:

- (i) pasukan forensik Polis Diraja Malaysia;**
- (ii) Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan;**
- (iii) SUHAKAM; dan**
- (iv) Lembaga Siasatan Jabatan Penjara.**

Jabatan Penjara turut berhubung dengan keluarga subjek untuk memaklumkan tentang keadaannya dan sehingga kini masih membenarkan keluarga melawat banduan di hospital.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI

TARIKH : 22.3.2017

SOALAN : NO. 64

Datuk Mohd Idris Bin Jusi minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kedudukan terkini pengangguran siswazah, siswazah perubatan dan pergigian serta menerangkan setakat mana keberkesanan langkah-langkah yang telah dilaksana dalam menangani isu ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sistem Kajian Pengesanan Graduan atau SKPG yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) merupakan satu kajian tahunan dengan tujuan untuk mendapatkan angka kebolehpasaran graduan pada setiap sesi konvokesyen di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Kadar kebolehpasaran graduan untuk tahun 2016, dapatan kajian ke atas 387 buah IPT adalah sebanyak 77.3%, daripada 238,190 responden yang telah mendapat pekerjaan selepas 6 bulan bergraduat. Kebolehpasaran graduan pelajar Politeknik adalah sebanyak 88.7% dan Kolej Komuniti 97.2%.

Bilangan yang belum bekerja telah berkurangan sebanyak 1.36% berbanding tahun 2015 menjadikan jumlahnya seramai 54,105. Dalam usaha menangani isu pengangguran siswazah, KPT telah melaksanakan inisiatif berikut:

- (a) Moratorium program perubatan telah dikuatkuasakan untuk tempoh 5 tahun iaitu mulai 1 Mei 2011 sehingga 30 April 2016 dan dilanjutkan untuk tempoh 5 tahun lagi iaitu mulai 1 Mei 2016 sehingga 30 April 2021. Moratorium ini menetapkan tiada program perubatan yang baharu di peringkat ijazah sarjana muda dan tiada penambahan kuota pengambilan pelajar program perubatan.
- (b) Moratorium program pergigian telah dikuatkuasakan bagi tempoh 5 tahun mulai 1 Mac 2013 hingga 28 Februari 2018. Moratorium ini menetapkan pembekuan penubuhan Fakulti Pergigian baharu, pembekuan terhadap penawaran program baharu dan menetapkan pengambilan pelajar tempatan seramai 800 orang pelajar setahun bagi keseluruhan IPT yang menawarkan program pergigian.
- (c) KPT melalui Majlis Dekan Perubatan dengan kerjasama badan profesional bagi bidang perubatan dan pergigian sentiasa memantau program yang ditawarkan agar kualiti graduan perubatan menepati kriteria dan dapat melahirkan pegawai yang kompeten. Langkah yang dilaksanakan adalah melalui proses penilaian semula akreditasi IPT oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Semasa proses penilaian semula ini, IPT perlu melaksanakan semakan semula kurikulum program dengan melakukan kajian 'benchmarking' dan keperluan pasaran bagi memastikan program akademik yang dilaksanakan

kekal relevan dan memenuhi keperluan profesion masing-masing.

(d) Kerjasama erat antara IPT dan pihak industri seperti:

- i. **Program Intervensi dan Program Pusat Kecemerlangan Industri** (*Industry Centre of Excellent - ICoE*);
- ii. **Program Keusahawanan** dengan kerjasama Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan Malaysian Technology Development Corporation (MTDC);
- iii. **Program CEO@Fakulti** yang melibatkan tokoh-tokoh korporat yang berwibawa daripada syarikat berkaitan Kerajaan, industri-industri terkemuka dan Pegawai Tinggi Perkhidmatan Awam untuk menyampaikan syarahan berkaitan perkongsian pengalaman dan kepakaran dalam bidang industri masing-masing kepada pelajar-pelajar di Universiti Awam;
- iv. Pengenalan kepada sistem **Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu** (*Integrated Cumulative Grade Point Average – iCGPA*) yang pertama di dunia pada September 2015 bagi menilai kebolehan graduan bukan sahaja daripada segi peningkatan akademik malah turut menilai kebolehan pelajar dalam bidang keusahawanan, kemampuan pengurusan, kemahiran sosial dan berkomunikasi;

- v. **Program 2u2i** yang merupakan program *work based learning* (belajar sambil bekerja). Program ini merupakan program pertama diperkenalkan di dunia menerusi penempatan pelajar selama 2 tahun di universiti dan 2 tahun lagi dalam industri. Program ini juga merupakan kerjasama yang dijalin antara universiti dengan pihak industri yang telah dikenal pasti;

- vi. Dalam memantapkan penguasaan Bahasa Inggeris (BI) di kalangan graduan, program **Cambridge Accessible Tests (CATs)** diperkenalkan bagi menilai kebolehan membaca, menulis, mendengar dan bertutur menggunakan *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR) sebagai piawaian penilaian penguasaan Bahasa Inggeris, kolaborasi dengan Cambridge Malaysian Education Development Trust (CEMDT);

- vii. Pelaksanaan **Program Gap Year** yang memberi peluang kepada pelajar untuk menimba pengalaman dalam menjalankan pelbagai aktiviti sukarelawan. Gap year merupakan satu tempoh di mana mahasiswa meninggalkan pengajian formal bagi tempoh satu tahun kalendar akademik bagi terlibat dalam program sukarelawan atau komuniti.

- viii. Pengenalan program **pensyarah sebagai *practitioner*** di mana menyasarkan penglibatan 50% pensyarah dari

pengamal industri di Malaysian Technical University Network (MTUN) dan 30% *practitioner* selaku pensyarah IPT menjelang tahun 2023; dan

vii. Penawaran Program Dwi Ijazah (multi-disciplinary) di Universiti Awam dapat mendedahkan pelajar kepada dua atau lebih bidang bagi meningkatkan kompetensi dan kemahiran pelajar. Ini akan membolehkan pelajar mempunyai lebih banyak pilihan dalam kerjaya setelah menamatkan pengajian. Contohnya program dwi ijazah di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) iaitu :

a) Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian (Keselamatan dan Jaminan Maklumat) + Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian;

b) Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Bioteknologi Makanan) + Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa dengan Kepujian; dan

c) Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian + Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian;

KPT berkeyakinan melalui program-program ini, para pelajar akan dapat meningkatkan penguasaan kemahiran insaniah, pengetahuan serta sikap yang sesuai untuk bekerja.